

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

1. Senaraikan organisasi terkini Ahli Majlis Syura Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Bagaimana Majlis Syura ini berperanan dalam memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri?
 - (b) Senaraikan isu-isu yang dinasihati Majlis Syura dari tahun 2018 hingga 2022.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Majlis Syura Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara rasminya telah ditubuhkan pada 15 Januari 2010 bersamaan 29 Muharram 1431H. Pelancaran Majlis Syura telah disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang pada tarikh yang sama bertempat di Bilik Gerakan, Tingkat 28, KOMTAR. Ahli Majlis Syura Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2024 hingga 2025 sedang dalam proses pelantikan.
 - (a) Majlis Syura diwujudkan berperanan sebagai sebuah jawatankuasa bebas untuk memberi input syariah kepada mana-mana jawatankuasa atau Badan Keagamaan Islam. Tujuan/peranan penubuhan Majlis Syura adalah seperti berikut:
 - (i) Memberi maklum balas dan cadangan penambahbaikan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri berkaitan Pembangunan Islam di Pulau Pinang;

- (ii) Memberi pandangan, nasihat dan cadangan program-program untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan Islam di Pulau Pinang;
 - (iii) Bertindak sebagai pasukan *think-tank* dan platform percambahan fikiran dengan penglibatan para intelektual Islam dari pelbagai disiplin ilmu yang menjurus ke arah mewujudkan sebuah pentadbiran Kerajaan Negeri yang berkonsepkan *good governance* berlandaskan prinsip pentadbiran Khalifah Umar Abdul Aziz; dan
 - (iv) Sebagai penasihat dan pencetus idea dalam memperkasa pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam demi kepentingan umat Islam khususnya di Pulau Pinang.
- (b) Antara isu-isu yang dinasihati Majlis Syura Negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti berikut:
- (i) Pemantapan akidah umat Islam negeri Pulau Pinang dengan mewujudkan pembahagian kluster untuk ahli Majlis Syura mengikut kepakaran bidang masing-masing iaitu;
 - 1) Kluster Pengupayaan Ummah;
 - 2) Kluster Pengupayaan Pendidikan;
 - 3) Kluster Pengupayaan Ekonomi; dan
 - 4) Kluster Pengupayaan Sains.
 - (ii) Pemantapan ekonomi umat Islam;
 - (iii) Pemeraksanaan Undang-Undang Islam Negeri Pulau Pinang bagi membendung peningkatan kes perceraian; dan
 - (iv) Pemeraksanaan Komuniti, Sosial dan Kemasyarakatan negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

2. Apakah status memorandum persefahaman perbekalan air terawat ke Pulau Pinang melalui projek SPRWTS?
 - (a) Apakah usaha kerajaan sekiranya memorandum ini ditangguhkan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri tidak pernah berputus asa dalam memastikan projek pemindahan air Sungai Perak ini dilaksanakan dengan segera. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan langkah awal dengan mengadakan pertemuan bersama Kerajaan Negeri Perak pada 9 November 2023 dan terkini adalah melalui taklimat pembangunan pada 5 April 2024 kepada YAB Perdana Menteri di mana YAB Ketua Menteri mohon supaya Kerajaan Persekutuan menjadi pemudah cara dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat dimulakan dengan segera dengan mengambil kira keperluan permintaan air yang semakin meningkat di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menyambut baik pengumuman oleh YAB Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan di Majlis Penutup Program Madani Rakyat 2024 Zon Utara dan Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 Peringkat Pulau Pinang di Tapak Pesta Pulau Pinang pada 5 Mei 2024 menyatakan Tuanku Sultan Perak serta kerajaan Negeri Perak bersetuju untuk membekalkan bekalan air dari Sungai Perak melalui projek pembangunan *Kerian Integrated Green Industrial Park* (KIGIP) di mana Fasa pertama akan masuk ke Seberang Perai termasuk Nibong Tebal dan Sungai Bakap.

- (a) Kerajaan Negeri melalui inisiatif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) juga telah merangka beberapa projek infrastruktur bekalan air melibatkan pelaburan sebanyak RM1.185 bilion di bawah Pelan Kontigensi Air 2030 (WCP 2030) untuk tempoh lima (5) tahun akan datang bagi menghadapi cabaran permintaan air yang sangat tinggi menjelang 2030 melalui lapan (8) projek utama seperti berikut:

| Bil | Projek | Jangka siap | Kapasiti (MLD) | Kos Projek (RM juta) |
|---------------|---|--------------------|-----------------------|-----------------------------|
| 1. | New Bukit Panchor DAF (Dissolved air flotation) WTP | 2023 | 10 | 18.6 |
| 2. | Package 12A Sungai Dua WTP (additional water treatment module) | 2023 | 114 | 31 |
| 3. | Laying 13 km of 1,800 mm water distribution from Sungai Dua WTP to Butterworth in Seberang Perai | 2024 | | 128 |
| 4. | Laying of 3.9 km of 1,800 mm water distribution pipelines from Macallum area to PBAPP Bukit Dumbar Reservoir and Pumping Station Complex on Penang Island | 2024 | | 44 |
| 5. | Mengkuang dam WTP | 2025 | 114 | 120 |
| 6. | Sungai Kerian WTP | 2027 | 114 | 171 |
| 7. | Sungai Perai water supply scheme (including pre-treatment of raw water) | 2028 | 136 | 500 |
| 8. | Sungai Muda WTP | 2028 | 114 | 171 |
| JUMLAH | | | | 1,183.6 |

Projek-projek ini akan mengoptimum dan meningkatkan kapasiti rawatan air PBAPP di Pulau Pinang dan membantu Pulau Pinang meminimumkan krisis bekalan air dan seterusnya menunjukkan kerajaan negeri terus komited dalam memastikan bekalan air berterusan kepada penduduk Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

3. Senaraikan kes 3R yang dilaporkan berlaku di Pulau Pinang.
 - (a) Apakah usaha kerajaan dalam mempromosikan keharmonian kaum di negeri ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Secara khususnya tidak berlaku isu 3R di Pulau Pinang. Namun, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang memaklumkan terdapat dua (2) isu melibatkan laporan polis di negeri ini berkaitan isu 3R di negeri lain iaitu:
 - (i) **Stoking Tertera Kalimah Allah (KK Mart Bandar Sunway, Selangor)**

Terdapat 18 laporan polis berkaitan isu ini di Pulau Pinang. Bagi Pulau Pinang, ancaman ke atas premis KK Mart ini tidak timbul memandangkan tiada premis tersebut di negeri ini. Walau bagaimanapun, optimis dalam menjaga keselamatan negara dari sebarang ancaman, pihak Cawangan Khas Pulau Pinang akan terus memantau elemen-elemen NGO dan individu yang dilihat mampu melakukan provokasi melampau berhubung isu ini; dan

(ii) Isu Zamri Vinoth Hina Agama Hindu

Sebanyak empat (4) laporan polis direkodkan di negeri Pulau Pinang dan kes disiasat bawah Seksyen 298A & 504 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 AKM berhubung kenyataan Zamri Vinoth di dalam media sosial yang menghina Dewa Shivalinggam.

- (a) Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Pulau Pinang dalam mempromosikan keharmonian kaum di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Mengambil tindakan secara berhemah dengan menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut-penganut agama;
 - (ii) Pendekatan dialog persefahaman agama untuk memupuk persefahaman agar tidak berlaku kesalahfahaman yang boleh menimbulkan isu kaum. Misalnya, melaksanakan Program Dialog Harmoni Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 9 Mac 2024 di Dewan Milenium, Kepala Batas yang dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara; dan
 - (iii) Penganjuran Forum Perdana sempena Program MADANI Rakyat yang diadakan pada 3-5 Mei 2024. Program ini turut diserikan dengan program kerohanian melalui Forum Perdana yang bertajuk “HARMONI BANGSA, SAKSAMA BERSAMA”.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

4. Senaraikan bilangan penerima bantuan zakat sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini mengikut DUN.
 - (a) Berapakah peruntukan *e-hamper* Nur Ramadhan mengikut DUN tahun ini?
 - (b) Senaraikan pihak yang bertanggungjawab mengurus dan mengedar *hamper*.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Senarai bilangan penerima saguhati Hari Raya mengikut DUN pada tahun ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri Pulau Pinang telah diperuntukkan sebanyak 150 *e-hamper* dengan nilai barangan makanan berjumlah RM100 bagi setiap satu.
 - (b) Pihak yang bertanggungjawab mengurus dan mengedar *e-hamper* adalah Pejabat KADUN Kerajaan dan Pejabat Penyelaras KADUN dengan kerjasama syarikat DIV *Services* selaku penyedia perkhidmatan penebusan barangan asas makanan tanpa tunai di panel-panel kedai runcit dan pasar raya mini yang dilantik oleh ZAKAT Pulau Pinang (ZPP) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

**SENARAI PENERIMA SAGUHATI HARI RAYA TAHUN 2024
MENGIKUT KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

| BIL | NAMA KAWASAN DUN | BILANGAN PENERIMA |
|------------|-------------------------|--------------------------|
| 1 | N1: PENAGA | 515 |
| 2 | N2: BERTAM | 205 |
| 3 | N3: PINANG TUNGGAL | 399 |
| 4 | N4: PERMATANG BERANGAN | 416 |
| 5 | N5: SUNGAI DUA | 307 |
| 6 | N6: TELOK AYER TAWAR | 164 |
| 7 | N7: SUNGAI PUYU | 30 |
| 8 | N8: BAGAN JERMAL | 154 |
| 9 | N9: BAGAN DALAM | 93 |
| 10 | N10: SEBERANG JAYA | 389 |
| 11 | N11: PERMATANG PASIR | 221 |
| 12 | N12: PENANTI | 364 |
| 13 | N13: BERAPIT | 3 |
| 14 | N14: MACHANG BUBUK | 236 |
| 15 | N15: PADANG LALANG | 96 |
| 16 | N16: PERAI | 14 |
| 17 | N17: BUKIT TENGAH | 294 |
| 18 | N18: BUKIT TAMBUN | 64 |
| 19 | N19: JAWI | 150 |
| 20 | N20: SUNGAI BAKAP | 333 |
| 21 | N21: SUNGAI ACHEH | 276 |
| 22 | N22: TANJONG BUNGA | 73 |
| 23 | N23: AIR PUTIH | 32 |
| 24 | N24: KEBUN BUNGA | 0 |
| 25 | N25: PULAU TIKUS | 32 |
| 26 | N26: PADANG KOTA | 44 |

LAMPIRAN A

| BIL | NAMA KAWASAN DUN | BILANGAN PENERIMA |
|---------------|-------------------------|--------------------------|
| 27 | N27: PENGKALAN KOTA | 0 |
| 28 | N28: KOMTAR | 13 |
| 29 | N29: DATOK KERAMAT | 89 |
| 30 | N30: SUNGAI PINANG | 275 |
| 31 | N31: BATU LANCANG | 0 |
| 32 | N32: SERI DELIMA | 93 |
| 33 | N33: AIR ITAM | 87 |
| 34 | N34: PAYA TERUBONG | 0 |
| 35 | N35: BATU UBAN | 96 |
| 36 | N36: PANTAI JEREJAK | 71 |
| 37 | N37: BATU MAUNG | 133 |
| 38 | N38: BAYAN LEPAS | 226 |
| 39 | N39: PULAU BETONG | 208 |
| 40 | N40: TELOK BAHANG | 170 |
| JUMLAH | | 6,365 |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

5. Senaraikan bilangan penerima bantuan persekolahan oleh Zakat Pulau Pinang dan agensi-agensi lain yang terlibat mengikut DUN dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan agensi-agensi lain yang turut terlibat dalam memberi bantuan ini dan jumlah amaun yang diperuntukkan.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Bilangan penerima bantuan persekolahan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) adalah seperti berikut:

| TAHUN | BILANGAN PENERIMA | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) |
|--------------|--------------------------|-------------------------------|
| 2020 | 6,620 | 4,181,750.00 |
| 2021 | 100 | 76,700.00 |
| 2022 | 694 | 535,400.00 |
| 2023 | 3,775 | 2,862,700.00 |
| 2024 | 3,933 | 2,992,550.00 |

- (a) Senarai agensi-agensi lain yang turut terlibat dalam memberi bantuan awal persekolahan adalah:

| BIL | AGENSI | SASARAN MURID | NILAI PERUNTUKAN (RM) |
|---------------|---|----------------------|------------------------------|
| 1 | Yayasan Taqwa di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan | 1,200 orang | 183,360.00 |
| 2 | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) | 200 orang | 55,000.00 |
| 3 | Yayasan Amal Tuan Yang Terutama (TYT) Pulau Pinang | 120 orang | 12,000.00 |
| 4 | Yayasan Pelajaran MARA | 350 orang | 35,000.00 |
| JUMLAH | | 1,870 orang | 285,360.00 |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

6. Senaraikan peranan, tanggungjawab dan autoriti Penyelaras KADUN.
- (a) Apakah kriteria pemilihan Penyelaras KADUN?
 - (b) Berapakah peruntukan yang diterima oleh Penyelaras KADUN setiap tahun?
 - (c) Senaraikan enakmen dan garis panduan terpakai untuk Penyelaras KADUN.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Peranan, tanggungjawab dan autoriti Penyelaras KADUN:
- (i) Memastikan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010 berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Projek-projek Di Bawah Maksud Pembangunan P.16 (02) bagi Pelaksanaan Projek Fizikal dan P.16 (03) Projek-projek Khas/ Latihan Khas/ Bekalan dibelanjakan sewajarnya dengan pemantauan Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan dan Jabatan Kewangan Negeri.
 - (ii) Menghadiri Majlis-Majlis Rasmi anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkumi anjuran Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan.
 - (iii) Menganjurkan program-program kemasyarakatan bagi setiap pecahan kategori program seperti berikut:

- 1) Program Pembangunan Kemahiran;
 - 2) Program Pembangunan Ekonomi/ Perusahaan Kecil/ Pembangunan Desa;
 - 3) Program Pembangunan Belia/ Wanita/ Sukan dan Rekreasi;
 - 4) Program Kebajikan Perpaduan/ Keharmonian Kaum; dan
 - 5) Program Kebersihan dan Kesihatan.
- (iv) Memastikan aduan yang dikemukakan oleh orang awam diambil tindakan segera.
- (v) Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah.
- (vi) Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah.
- (vii) Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).
- (viii) Setiap Laporan Perbelanjaan (utiliti) dan aktiviti dikemas kini dan dihantar ke pejabat Timbalan Ketua Menteri (I).
- (ix) Menghadiri mesyuarat bulanan dengan Timbalan Ketua Menteri (I). Tarikh dan masa tertakluk kepada ketetapan dan notis mesyuarat.
- (a) Kriteria pemilihan Penyelaras KADUN:
- (i) Warganegara Malaysia dan fasih serta menulis Bahasa Melayu. Kemahiran bahasa kedua dan ketiga merupakan satu kelebihan;
 - (ii) Bermastautin dalam kawasan KADUN;
 - (iii) Umur minimum adalah 21 tahun
 - (iv) Perlu mempunyai sekurang-kurangnya 3 bidang kepakaran utama seperti berikut:

- a) Perancangan / Pembangunan;
 - b) Kewangan / Penilaian; dan
 - c) Komuniti.
- (v) Melepassi tiga (3) tapisan seperti berikut:
- (a) PDRM (semakan rekod jenayah);
 - (b) Jabatan Insolvensi; dan
 - (c) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- (vi) Aktif dalam kegiatan serta sumbangan kepada komuniti setempat.
- (b) Setiap tahun, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah RM100,000.00 kepada setiap Penyelaras KADUN dengan pecahan di bawah peruntukan P16 (02) sebanyak RM20,000 dan dibawah butiran P16 (03) sebanyak RM80,000.00.
- (c) Mesyuarat MMK Bil. 10/2010 pada 25 Mac 2010 dan disahkan pada hari yang sama, telah meluluskan pelantikan sebelas (11) Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) yang dimenangi pembangkang pada ketika itu. Justeru, keputusan Mesyuarat MMK Bil. 10/2010 pada 25 Mac 2010 adalah terpakai untuk penggal-penggal seterusnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

7. Senaraikan nama Penyelaras KADUN di Pulau Pinang.
- (a) Siapakah yang memantau prestasi dan memantau audit bagi Penyelaras KADUN?
 - (b) Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Penyelaras KADUN Penaga pada sesi lepas.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Senarai nama Penyelaras KADUN di Pulau Pinang:
- (i) Penaga - En. Mohd Naim Bin Salleh
 - (ii) Pinang Tunggal - En. Muhasdey Bin Muhamad
 - (iii) Telok Ayer Tawar - En. Ahmad Bin Abdullah
 - (iv) Sungai Dua - Dato' Dr Shaikh Hussein Bin Mydin
 - (v) Permatang Berangan - Pn. Nor Hafizah Binti Othman
 - (vi) Penanti - En. Mohamad Salehan Bin Jahaya
 - (vii) Permatang Pasir - En. Muhammad Hamdi Bin Md Noor
 - (viii) Seberang Jaya - En. Fayyadh Afiq Albakqry Bin Jaafar Sidek

- (ix) Sungai Bakap - En. Muttaqeen Bin Mustafa
 - (x) Pulau Betong - En. Ahmad Razaaim Bin Azimi
 - (xi) Telok Bahang - En. Ahmad Zaki Shah Bin Shah Headan
-
- (a) Prestasi Penyelaras KADUN di pantau oleh Pejabat Daerah berkenaan dan Pejabat Timbalan Ketua Menteri (I).
 - (b) Projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Penyelaras KADUN Penaga pada sesi lepas adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**SENARAI PROJEK YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH PENYELARAS
KADUN PENAGA PADA PENGGAL/ SESI LEPAS****TAHUN 2018**

| BIL. | PROJEK | BELANJA (RM) |
|---------------|---|-------------------------|
| 1. | Membaiki Dan Menukar Zink Bumbung Reput/Bocor Dan Kayu Bumbung Rumah Kepunyaan Puan Bashah Binti Din | 6,500.00 |
| 2. | Projek Pembinaan Longkang 'V' Sepanjang 150m Bagi Kegunaan Pembuangan Air Sisa Pepejal Untuk 6 Buah Rumah Di Kampung Guar Kepah | 13,490.00 |
| JUMLAH | | 19,990.00 |

TAHUN 2019

| BIL. | PROJEK | BELANJA (RM) |
|-------------|--|-------------------------|
| 1. | Menurap Semula Dan Bina Baru Jalan Minitar Di Lot 4105 Desa Antarabangsa Rantau Panjang Penaga, SPU. | 19,648.00 |

TAHUN 2021

| BIL. | PROJEK | BELANJA (RM) |
|---------------|--|-------------------------|
| 1. | Kerja-kerja Pembersihan Parit serta Membersih Semak Samun Bersebelahan Masjid Permatang Bendahari | 1,000.00 |
| 2. | Kerja-kerja Pembersihan Kawasan Mengorek Parit dan Tanah Penyediaan Kawasan untuk Projek Pertanian Komuniti di Permatang Keriang | 4,811.60 |
| 3. | Kerja-kerja Membina Kawasan Letak Kenderaan dan Baik Pulih Parit dalam kawasan di Masjid Pulau Mertajam | 8,500.00 |
| JUMLAH | | 14,311.60 |

TAHUN 2022

| BIL. | PROJEK | BELANJA (RM) |
|-------------|---|-------------------------|
| 1. | Kerja-kerja Pembaikan Kecil dan Kerja Berkaitan di DUN Penaga, KADUN Penaga | 19,936.21 |

TAHUN 2023

| BIL. | PROJEK | BELANJA (RM) |
|-------------|--|-------------------------|
| 1. | Projek Menaik taraf Padang Bola Sepak Penaga | 19,000.00 |

CATATAN:

Tiada projek dilaksanakan oleh PPK pada tahun 2020 .

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

8. Senaraikan agensi-agensi dan anak syarikat yang berada di bawah MAINPP.
- (a) Berapakah peruntukan yang disalurkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) kepada setiap agensi dan anak syarikat dari tahun 2020 sehingga kini?
 - (b) Berapakah jumlah duit tawaquf yang terkumpul sehingga tahun 2023 dan apakah perancangan MAINPP untuk memanfaatkan wang tersebut?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Agensi/Anak Syarikat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah seperti berikut:
- (i) As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZ) / ZPP MAINPP;
 - (ii) KITAB Pulau Pinang Sdn.Bhd (KITAB);
 - (iii) Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPPSB);
 - (iv) Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP);
 - (v) Darul Hanan (DH);
 - (vi) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP); dan
 - (vii) Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP).

- (a) Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) kepada setiap agensi dan anak Syarikat dari tahun 2020 sehingga 2024 seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Jumlah wang tawakkuf / lebihan wang zakat bagi tahun yang terkumpul sehingga tahun 2024 adalah sebanyak **RM123,104,140.70**. Antara perancangan bagi memanfaatkan wang tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

JUMLAH PERUNTUKAN YANG DISALURKAN OLEH ZAKAT PULAU PINANG (ZPP) KEPADA AGENSI DAN ANAK SYARIKAT DARI TAHUN 2020 SEHINGGA TAHUN 2024

| Agensi | 2020 (RM) | 2021 (RM) | 2022 (RM) | 2023 (RM) | 2024 (RM) |
|---------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| MAINPP | 3,000,000.00 | 4,000,000.00 | 4,000,000.00 | 4,500,000.00 | 5,000,000.00 |
| ASUZ | 15,892,129.66 | 17,673,622.31 | 17,945,545.46 | 19,107,498.17 | 2,559,313.14 |
| KITAB | 4,133,000.00 | 4,500,000.00 | 4,689,800.00 | 5,242,000.00 | 2,900,000.00 |
| WPPSB | - | - | - | - | 500,000.00 |
| YIPP | - | 226,212.00 | 859,256.35 | 375,623.05 | - |
| DH | 1,268,500.00 | 1,972,170.00 | 2,500,000.00 | 2,500,000.00 | 1,504,275.75 |
| JHEAIPP | 9,048,377.96 | 12,914,381.88 | 13,197,294.41 | 10,311,691.61 | 3,333,423.28 |
| JMNPP | 648,204.00 | 311,678.00 | 304,136.00 | 258,200.00 | 24,912.00 |

Nota:

| | |
|---------|--|
| ASUZ | - As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZ) |
| KITAB | - Kolej Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang Sdn. Bhd |
| WPPSB | - Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. |
| YIPP | - Yayasan Islam Pulau Pinang |
| DH | - Darul Hanan |
| JHEAIPP | - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang |
| JMNPP | - Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang |
| MAINPP | - Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang |

LAMPIRAN B**PENGUNAAN WANG ZAKAT YANG BELUM DIAGIHKAN (TAWAQQUF)**

| Bil | Projek / Program | Anggaran (RM) |
|------------|---|-----------------------|
| 1 | Bangunan Asrama Pelajar Mesir di Kaherah | 11,200,000.00 |
| 2 | Pangsapuri Asnaf Wakaf Seetee Aisah | 11,025,000.00 |
| 3 | Naiktaraf Infrastruktur Akademi Latihan Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang (PULAZA) | 2,000,000.00 |
| 4 | Naiktaraf Infrastruktur Inapan Kasih Sayang | 1,138,260.20 |
| 5 | Pembelian Bas Inapan Kasih Sayang | 800,000.00 |
| 6 | Naiktaraf Pusat Haemodialisis Zakat Tasek Gelugor | 791,525.00 |
| 7 | Pusat Pengumpulan dan Jualan Produk Asnaf | 1,000,000.00 |
| 8 | Pembelian Van untuk Pengangkutan Produk Asnaf | 300,000.00 |
| 9 | Tabung Bantuan Kemanusiaan | 500,000.00 |
| 10 | Pengurusan MAINPP | 1,000,000.00 |
| 11 | Pembiayaan Pembelian Sistem Pengurusan Bersepadu MAINPP (Masjid Pro) | 1, 840,000.00 |
| 12 | Pembiayaan Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. | 1,000,000.00 |
| 13 | Kuarters Darul Hanan | 300,000.00 |
| 14 | Pembelian Tanah Mengkuang Titi | 15,000,000.00 |
| 15 | Tebus Balik Tanah di Tanjung Tokong | 8,000,000.00 |
| 16 | Pembelian Tanah di SPS | 12,000,000.00 |
| 17 | Baik Pulih Bangunan Al Mashoor, Pulau Tikus | 12,000,000.00 |
| 18 | Program Pendidikan di Al Mashoor (P) Jalan Sultan Ahmad Shah | 5,000,000.00 |
| 19 | Dewan bersebelahan Masjid Kampung Rawa | 5,000,000.00 |
| 20 | Pembaikan dan Fasiliti Bangunan Lama Asrama Pelajar Pulau Pinang di Mesir | 1,000,000.00 |
| | Jumlah | 90,894,785.20 |
| | | |
| | Rizab | 30,000,000.00 |
| | Jumlah Keseluruhan | 120,894,785.20 |
| | Jumlah Keseluruhan Tawaqquf | 123,104,140.70 |
| | Baki | 2,209,355.50 |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

9. Senaraikan kajian-kajian yang telah dilakukan dan sedang dilakukan oleh Al-Hady Centre mengikut sub bidang.
- (a) Sejauh mana kajian ini membantu menyelesaikan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam di Pulau Pinang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Al-Hady Centre (AHC) telah menggariskan tiga (3) peringkat penyelidikan seperti berikut:

1. Kajian Akademik

Kajian ini meliputi dasar kewangan sosial, keberkesanan sistem semasa dan agensi-agensi terbabit. Hasil kajian akademik ini telah pun diterbitkan sebagai naskhah penerbitan sulung AHC.

Senarai kajian akademik berkenaan adalah seperti berikut:

TEMA:

MALAYSIA MADANI TERAS KELESTARIAN KEWANGAN

SOSIAL ISLAM

- (i) Nilai Daya Cipta Madani Teras Kelestarian Kewangan Sosial Islam Melalui Pendekatan Maqasid Shari'ah;
- (ii) Konsep Memperkasa Ekonomi Umat: Analisis Terhadap Pendekatan Al-Quran Dan Sunah;

- (iii) Kesan Kolaborasi Wakaf Pengajian Tinggi;
- (iv) Kajian Tentang Pengaruh Altruisme Terhadap Amalan Hibah Di Kalangan Penjawat Awam Di Utara Semenanjung Malaysia;
- (v) Pengurusan Risiko Di Institusi Kewangan Sosial Islam Pulau Pinang;
- (vi) Impak Pelaksanaan Keusahawanan Sosial Melalui Institusi Masjid;
- (vii) Memahami Ekonomi Islam: Asas Aqidah, Syariah Dan Akhlak Dalam Kerangka Kewangan Sosial Islam Wakaf Sumber Alternatif Kelestarian Institusi Pendidikan Tinggi Islam; dan
- (viii) Cabaran Kewangan Islam Digital Dan Strategi Pemasaran Global Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM).

2. Kajian Dasar

Kajian Dasar merupakan bentuk kajian yang menilai kedudukan dasar kerajaan semasa bertujuan mengemukakan intervensi serta saranan intervensi, sekiranya perlu.

Tiga skop kajian dasar yang sedang diperhalusi adalah seperti berikut:

- (i) Sosioekonomi Bumiputera Pulau Pinang - Penilaian Program dan Projek Berimpak Sosial;
- (ii) Akses, Tahap & Kualiti Pendidikan Bumiputera Pulau Pinang - Kesan Sosi-ekonomi; dan
- (iii) Spektrum Ekonomi Bumiputera Pulau Pinang - Dasar Semasa dan Daya Tahan Mendepani Perubahan Iklim Ekonomi Global.

Hasil kajian dasar ini akan dibengkelkan bagi mengemukakan cadangan intervensi dan penambahbaikan kepada dasar semasa pada suku akhir tahun 2024.

3. Kajian Institusional

Kajian Institusional merupakan kajian yang dilaksanakan untuk mendokong agensi Islami yang bernaung di bawah Kerajaan Negeri.

Pada peringkat ini, kajian institusional telah memulakan sesi libat urus bersama agensi terbabit untuk mengenal pasti bidang kajian berimpak tinggi yang bakal melonjakkan lagi keberkesanan agensi berkenaan. Kajian ini bersifat berkala dan akan dilaporkan secara tahunan oleh agensi berkenaan.

(a) **DAMPAK KAJIAN**

Kesemua kategori kajian ini telah, sedang dan akan dilaksanakan mengikut jadual dan akan dilaporkan dampaknya sama ada dalam bentuk penerbitan, pelaksanaan program atau bengkel advokasi dasar mengikut takwim aktiviti tahunan.

Oleh kerana pendekatannya berbentuk akademik, kajian dasar dan institusional, dampak kajian ini akan memberi kesan melalui pelaksanaan agenda pentadbiran kerajaan negeri.

Keberkesananannya boleh diukur melalui limpahan kesan dan indeks ekonomi negeri yang dilaporkan secara tahunan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

10. Senaraikan purata penggunaan air per kapita oleh rakyat negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam mengurangkan penggunaan purata air bagi rakyat di negeri ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Purata penggunaan air per kapita oleh rakyat negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini bagi kategori domestik adalah seperti berikut:

| TAHUN | JUMLAH |
|--------------|-----------------------------|
| 2020 | 299 litres/capita/day (LCD) |
| 2021 | 308 litres/capita/day (LCD) |
| 2022 | 307 litres/capita/day (LCD) |
| 2023 | 284 litres/capita/day (LCD) |

- (a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dalam perancangan untuk mempertimbangkan langkah-langkah untuk menurunkan kadar penggunaan air per kapita melalui usaha-usaha seperti berikut:
- (i) Program kesedaran air di sekolah-sekolah untuk menggalakkan budaya jimat air dari peringkat awal;
- (ii) Menggalakkan pemasangan peranti penjimatan air (WSD) di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan tinggi

untuk menjimatkan air “secara automatik” dengan setiap penggunaan;

- (iii) PBAPP juga telah mempromosikan program pemuliharaan air “Aqua Save” untuk sekolah di bawah projek “Penang Green Schools” yang diuruskan oleh Penang Green Council;
- (iv) Mendidik dan menggalakkan pengguna-pengguna supaya mengamalkan tip penjimatan air di negeri yang kekurangan sumber air seperti Pulau Pinang seperti tidak membiarkan pili air mengalir, meminimumkan penggunaan hos semburan dan melaporkan paip atau pili yang bocor kepada PBAPP dengan segera;
- (v) PBAPP telah memasang *Water Saving Device* (WSD) di 287 buah masjid dan surau di Pulau Pinang untuk menggalakkan pemuliharaan air dan usaha ini masih diteruskan;
- (vi) Pemasangan mandatori WSD di projek pembangunan baharu dan kini dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan seperti MBPP, MBSP dan PBAPP;
- (vii) Program kerjasama oleh PBAPP dan Indah Water Konsortium (IWK) untuk mengkaji aspek daya maju projek kitar semula air kumbahan untuk kegunaan semula industri di Pulau Pinang; dan
- (viii) Menaikkan ‘nilai’ air melalui mekanisme penetapan tarif (TSM) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negara (SPAN) yang membawa kepada semakan tarif air Domestik dan Bukan Domestik di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

11. Senaraikan program rasmi yang melibatkan EXCO serta perbelanjaan program dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan lawatan rasmi melibatkan EXCO dan perbelanjaan dari tahun 2020 sehingga kini.
- (b) Apakah usaha kerajaan dalam berjimat berbelanja duit Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. (a) Berdasarkan kepada keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pulau Pinang terdapat sebanyak **41** program rasmi / lawatan rasmi ke luar negara telah diluluskan dari Januari 2020 sehingga Mei 2024 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak **RM 2,439,647.10**. Jadual di bawah merupakan pecahan jumlah program/lawatan mengikut tahun kelulusan MMK diterima. Perincian program/lawatan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

| TAHUN | BILANGAN LAWATAN / PROGRAM | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|----------------------|-----------------------------------|---------------------------------|
| 2020 | 4 | 14,810.00 |
| 2021 | 1 | 42,441.00 |
| 2022 | 11 | 1,026,978.85 |
| 2023 | 19 | 1,196,557.25 |
| 2024 | 6 | 158,860.00 |
| <u>JUMLAH</u> | <u>41</u> | <u>2,439,647.10</u> |

Lawatan ke luar negara ini diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri atau YB. Ahli MMK/Ahli EXCO (selaku pengerusi jawatankuasa di bawah MMK) melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan turut disertai oleh perwakilan daripada Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri.

- (b) Sebagai usaha penjimatan dalam perbelanjaan negeri, MMK telah meluluskan Kertas Bilangan 9 Tahun 2024 bertarikh 13 Mac 2024 berhubung 'Strategi Pengurangan Unjuran Defisit Negeri Tahun 2024 dan Penetapan Siling Bajet Negeri Tahun 2025. Berdasarkan Kedudukan Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2023 dan Unjuran Aliran Tunai Negeri Tahun 2024 yang antara lain melibatkan tindakan-tindakan berikut:
- (i) Penjajaran semula Bajet Mengurus Negeri Tahun 2024 daripada RM1.047 bilion kepada RM863.11 juta;
 - (ii) Memberi keutamaan kepada perbelanjaan berkanun berbanding perbelanjaan tidak berkanun negeri;
 - (iii) Pelaksanaan sekatan perbelanjaan ke atas Objek Sebagai (OS) tertentu bagi mengoptimumkan langkah-langkah penjimatan;
 - (iv) Mengutamakan peruntukan Akaun Amanah atau Kumpulan Wang Amanah berbanding Peruntukan Mengurus Negeri bagi Jabatan berkaitan; dan
 - (v) Melipatgandakan usaha dan inisiatif untuk meningkatkan hasil negeri.

**SENARAI PROGRAM/LAWATAN RASMI YANG MELIBATKAN EXCO SERTA PERBELANJAAN PROGRAM
DI BAWAH MMK MULAI TAHUN 2020 HINGGA BULAN MEI 2024**

| TAHUN | SENARAI LAWATAN RASMI | | EXCO | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|-------------|-----------------------|--|---|--------------------------|
| 2020 | 1 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Chengdu, China Dari 6 Hingga 9 Januari 2020. | PERDAGANGAN & HAL EHWAL PENGGUNA | 1,880.00 |
| | 2 | Majlis Pemberian Insentif Teksi dan Bas Sekolah (18 & 19 Januari 2020) | PENGANGKUTAN | 3,130.00 |
| | 3 | Majlis menandatangani perjanjian Perjanjian Project Delivery Partner (PDP) (1 Julai 2020) | PENGANGKUTAN | 9,800.00 |
| | 4 | Penang South Island International Masterplan Design Competition (MDC) Award Ceremony (19 Ogos 2020) | PENGANGKUTAN | - |
| 2021 | 1 | Majlis Perasmian Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) Sungai Batu (11 Disember 2021) | PENGANGKUTAN | 42,441.00 |
| 2022 | 1 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Singapura Bagi Menghadiri Persidangan The International Conference On Cohesive Societies Dari 5 Hingga 7 September 2022. | PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM | 2,410.00 |
| | 2 | Penyertaan Usahawan Negeri Pulau Pinang dan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Pameran Geylang Serai Food Festival 2022 Di Singapura Beserta Majlis Mesyuarat Dari 7 September Hingga 11 September 2022. | INDUSTRI | 91,812.00 |

| TAHUN | SENARAI LAWATAN RASMI | | EXCO | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|-------|-----------------------|--|---|--------------------------|
| 2022 | 3 | Lawatan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Temasya Sukan Komanwel ke-22 Birmingham, England 2022 Dari 27 Julai Hingga 3 Ogos 2022 Bagi Memberikan Sokongan Kepada Atlet Kebangsaan dan Negeri Pulau Pinang dan Kunjungan Hormat ke UK Sport. | BELIA & SUKAN | 132,021.50 |
| | 4 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Singapura Bagi Menjalinkan Kerjasama Bersama Singapura Dalam Pembangunan Belia Dari 12 Sehingga 14 Jun 2022 | BELIA & SUKAN | 13,255.00 |
| | 5 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Amsterdam Bagi Menghadiri Program Geospatial World Forum 2022 Dari 7 Hingga 14 Mei 2022 | PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM | 54,931.00 |
| | 6 | Lawatan Kerja Delegasi Jawatankuasa MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Jepun Mulai 19 Disember 2022 Sehingga 26 Disember 2022 | PELANCONGAN | 59,406.60 |
| | 7 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Ke Tamil Nadu, India Dari 19 Hingga 24 Disember 2022. | PENDIDIKAN | 49,936.00 |
| | 8 | Lawatan Kerja Delegasi Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang ke CPG Corporation Singapura Mulai 13 Julai 2022 Hingga 15 Julai 2022 | INFRASTRUKTUR | 81,367.75 |
| | 9 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Singapura Bagi Menjalinkan Kerjasama Bersama Singapura Dalam Pembangunan Belia Dari 12 Sehingga 14 Jun 2022 | BELIA & SUKAN | 13,255.00 |

| TAHUN | SENARAI LAWATAN RASMI | | EXCO | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|-------|-----------------------|---|---|--------------------------|
| 2022 | 10 | Lawatan TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang Ke Expo 2020 Dubai Untuk Merasmikan Pavillion Pulau Pinang Sempena Minggu Pulau Pinang Pada 15 Hingga 21 Januari 2022 di Dubai Exhibition Centre, Dubai | INDUSTRI | 528,200.00 |
| | 11 | Sesi Sidang Media Pemberian Insentif Perkhidmatan Kepada Pamandu Teksi/Kereta Sewa Dan Pengusaha Bas Sekolah Tahun 2022 (16 Jun 2022) | PENGANGKUTAN | 384.00 |
| 2023 | 1 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Program When Buddha Meets The Gods Anjuran Muzium Fo Guang Shan Buddha Di Kaohsiung, Taiwan, Republic Of China (R.O.C) Dari 23 Hingga 28 Disember 2023 | PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM | 15,795.00 |
| | 2 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Temasya Sukan Asia Ke-19, Hangzhou 2022 Di Negara China Dari 28 September 2023 Sehingga 3 Oktober 2023 | BELIA & SUKAN | 151,220.00 |
| | 3 | Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Ageing Asia 2023 " World Ageing Festival Di Singapura Dari 21 Sehingga 26 Mei 2023 | PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM | 23,087.50 |
| | 4 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Wilayah Henan, Negara China Bagi Menjalinkan Kerjasama Dalam Pembangunan Belia Dari 8 Sehingga 12 Mei 2023 | BELIA & SUKAN | 25,209.00 |
| | 5 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Ke Mesir dan Jordan Dari 15 Sehingga 23 Disember 2023. | PENDIDIKAN | 209,643.00 |

| TAHUN | SENARAI LAWATAN RASMI | | EXCO | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|-------|-----------------------|---|---|--------------------------|
| 2023 | 6 | Lawatan Kerja Yang Berhormat Tuan Fahmi Zainol, Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Ke Prince Of Songkhla Iniversity, Thailand Dari 24 Sehingga 26 Oktober 2023 | PERTANIAN | 16,345.00 |
| | 7 | Lawatan Kerja YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Bagi Penyertaan ITB Asia Di Singapura Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 25 Hingga 27 Oktober 2023. | PELANCONGAN | 14,975.00 |
| | 8 | Lawatan Kerja YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Bagi Penyertaan ITB China Di Shanghai Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 11 Hingga 15 September 2023 | PELANCONGAN | 25,850.00 |
| | 9 | Lawatan Penanda Aras Gender Responsive Budgeting (GRB) 2023 Ke Pulau Jeju dan Seoul, Korea Selatan Dari 7 Hingga 14 Oktober 2023 | PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM | 54,547.00 |
| | 10 | Majlis Pelancaran Bas Percuma CAT Bridge Laluan Bukit Mertajam - KOMTAR (14 Januari 2023) | PENGANGKUTAN | 13,615.00 |
| | 11 | Majlis Menandatangani Perjanjian Project Development Agreement (PDA), Shareholder Agreement (SHA) Bagi Pelaksanan Projek Penang Transport Master Plan (PTMP) Oleh Kerajaan Negeri Bersama SRS Consortium (6 Mac 2023) | PENGANGKUTAN | - |

| TAHUN | SENARAI LAWATAN RASMI | | EXCO | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|-------|-----------------------|--|--------------------------------------|--------------------------|
| 2023 | 12 | Program Keselamatan Jalan Raya Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri "KepulauanMu Dinanti" (17 April 2023) | PENGANGKUTAN | 2,400.00 |
| | 13 | Majlis menandatangani MOU antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Kem Sains, teknologi dan inovasi (MOSTI) (11 Mei 2023) | PENGANGKUTAN | 19,820.00 |
| | 14 | Sesi Sidang Media Pemberian Insentif Perkhidmatan Kepada Pamandu Teksi/Kereta Sewa Dan Pengusaha Bas Sekolah Tahun 2023 (20 Jun 2023) | PENGANGKUTAN | 1,680.00 |
| | 15 | Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB MMK Belia, Sukan dan Kesihatan Ke Singapura Sports Hub - National Singapore Stadium Dan Jurong Lake Garden, Singapura Dari 17 Hingga 19 Disember 2023 | SUKAN | 6,573.00 |
| | 16 | Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Ke London, United Kingdom Dan Dusseldorf, Germany Pada 21 Hingga 29 April 2023 | YB JAGDEEP SINGH DEO AL KARPAL SINGH | 274,327.00 |
| | 17 | Lawatan Delegasi Ketua Menteri Pulau Pinang Ke Bandar Xiamen Bagi Menyertai China International Fair For Investment & Trade Serta Meraikan Ulangtahun Ke-30 Jalinan Bandar Berkembar Pulau Pinang-Xiamen Di Xiamen, Republik Rakyat China Pada 5 Hingga 9 September 2023 | YB H'NG MOOI LYE | 156,835.25 |
| | 18 | Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Ke 27Th World Congress On Innovation & Technology 2023 Dan 6Th International Digital Economy Conference Sarawak 2023 (Wcit \ Idecs 2023) Pada 4 Hingga 6 Oktober 2023 | YAB KETUA MENTERI YB ONG AH TEONG | 49,975.50 |

| TAHUN | SENARAI LAWATAN RASMI | | EXCO | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|-------------|-----------------------|--|--------------------------------------|--------------------------|
| | 19 | Cadangan Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Ke Adelaide, Australia Pada 2 Hingga 9 Disember 2023 | YB H'NG MOOI LYE | 134,660.00 |
| 2024 | 1 | Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Penang Roadshow In Tapei Bersama Penang Global Tourism (PGT) Dari 26 Hingga 31 Mac 2024. | PELANCONGAN | 24,350.00 |
| | 2 | Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke 10th Annual Global Organisation Of Tamil Origin Meet – A Decade Of Excellence Di Chennai, India Dari 5 Hingga 13 Januari 2024. | ALAM SEKITAR | 38,361.00 |
| | 3 | Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Penang Roadshow For Xiamen Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 4 Hingga 7 Januari 2024. | PELANCONGAN | 23,400.00 |
| | 4 | Lawatan Kerja YB Tuan Fahmi Zainol Ke 15th International Economic Forum "Russia-Islamic World: Kazanforum 2024" Di Kazan, Republik Tatarstan Dari 14 Sehingga 19 Mei 2024. | AGROTEKNOLOGI & KETERJAMINAN MAKANAN | 36,077.00 |
| | 5 | Cadangan Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Arabian Travel Mart (ATM) pada 5 sehingga 8 Mei 2024 | PELANCONGAN | 24,482.00 |
| | 6 | Cadangan Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Kilang Pemasangan Jentera Materials Recovery Facility (Mrf) Dan Loji Pengurusan Sisa Pepejal Di Qingdao | YB H'NG MOOI LYE | 12,190.00 |
| 41 | JUMLAH | | | 2,439,647.10 |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

12. Senaraikan ahli lembaga pengarah dan carta organisasi terkini termasuk gred di bawah Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP).
- (a) Apakah status pembinaan Sekolah Islam Antarabangsa Pulau Pinang?
 - (b) Senaraikan inisiatif program yang di bawah Pembangunan Insan YIPP.
 - (c) Adakah program Itizam Huffaz tahun ini telah dihentikan? Sekiranya ya, mengapa program dihentikan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Carta Organisasi Yayasan Islam Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala senarai Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) adalah seperti berikut:
- (i) YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid (Pengerusi);
 - (ii) YB Dato' Haji Rosli bin Isa;
 - (iii) YB Dato' Zabidah binti Safar;
 - (iv) YB Dato' Roslinda binti Mohd Shafie;
 - (v) SS Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor;
 - (vi) YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik;

- (vii) YB Rashidi bin Zinol;
 - (viii) YBhg Dato' Haji Zulkiefly bin Saad;
 - (ix) Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mohamed Noor;
 - (x) YBhg Prof Dato Dr Noor Inayah binti Ya'akub;
 - (xi) Tuan Haji Mohammad Sahar bin Mat Din;
 - (xii) Encik Mohd Zamerey bin Abdul Razak; dan
 - (xiii) Encik Farizul Arif bin Abdul Mutalib.
- (a) Status terkini pembinaan Sekolah Islam Antarabangsa Pulau Pinang masih di peringkat fasa "*primary*" dan dalam perangkaan untuk ke peringkat seterusnya. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) YIPP kali pertama 2024 bertarikh 8 Mac 2024 telah bersetuju untuk mempercepatkan pengoperasian sekolah Islam Antarabangsa dengan pengoperasian sementara Sekolah ini di bangunan SMKA Al Mashoor (P) terlebih dahulu. Hal ini merupakan perancangan strategik sebagai langkah persediaan untuk pengoperasian sekolah untuk skala yang lebih besar pada masa akan datang.
 - (b) Inisiatif pembangunan Insan di bawah kendalian Yayasan Islam Pulau Pinang adalah seperti berikut:
 - (i) Kafa Menengah Pulau Pinang;
 - (ii) Pulau Pinang Mengajar;
 - (iii) Baitul Hikmah;
 - (iv) Iltizam Huffaz; dan
 - (v) Galeri Haji Pulau Pinang.
 - (c) Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) selaku agensi yang melaksanakan kelas itizam huffaz memaklumkan bahawa kelas itizam huffaz sesi tahun 2022/2023 telah bermula pada

bulan Julai 2022. Di samping itu, kelas itizam huffaz bagi sesi tahun 2023/2024 pula akan bermula pada bulan Jun 2023. Seterusnya, kelas itizam huffaz bagi sesi tahun 2024/2025 pula masih dalam proses dan akan dibuka dalam masa terdekat. Untuk maklumat lanjut berkenaan cara untuk mendaftar boleh didapati melalui *Facebook* (FB) Yayasan Islam Pulau Pinang.

PENGERUSI & AHLI LEMBAGA PENGARAH

Setara Gred Utama C

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
DR. MOHAMAD SOFEE BIN RAZAK



CARTA ORGANISASI
YAYASAN ISLAM PULAU PINANG

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

13. Berapakah peratusan terkini air tak berhasil atau *non-revenue water* (NRW) Pulau Pinang?
- (a) Apakah punca-punca berlakunya NRW ini?
 - (b) Berapa baki paip lama yang masih tidak ditukar di negeri Pulau Pinang?
 - (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melalui rekod pada tahun 2024 telah mencatatkan peratusan air tak berhasil atau 'non-revenue water' (NRW) Pulau Pinang sebanyak 28.5% dan Pulau Pinang masih mencatatkan peratusan NRW yang tertendah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.
- (a) Punca-punca berlakunya NRW adalah seperti berikut:-
 - (i) Kehilangan fizikal disebabkan paip bocor dan paip pecah;
 - (ii) Penggunaan tidak sah disebabkan kecurian air dan sambungan haram;
 - (iii) Ketepatan meter pengguna; dan

- (iv) Penggunaan air sah yang tidak dibilkan seperti penggunaan air untuk melawan kebakaran dan bekalan air melalui lori tangki.
- (b) Jumlah paip lama yang telah melebihi 30 tahun yang masih belum di tukar di Pulau Pinang adalah sepanjang 1,012.01 km melalui penjanaan rekod daripada sistem GIS pada tahun 2023.
- (c) Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah mengambil langkah dan usaha menukar paip-paip lama ini di bawah Program Pengurusan Aset PBAPP bagi projek penggantian paip sepanjang 155 km melibatkan 85 projek dari tahun 2024 sehingga 2026 dengan jumlah kos sebanyak RM151 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

14. Senaraikan kes kecurian air dan pihak yang terlibat di Pulau Pinang mengikut DUN dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Berapakah kerugian yang dialami oleh Kerajaan Negeri disebabkan isu ini?
- (b) Apakah langkah kerajaan dalam mengurangkan kes ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah merekodkan kes-kes kecurian air mengikut daerah adalah seperti berikut:

| Tahun | DBD | DTL | SPS | SPT | SPU |
|------------------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| 2020 | 133 | 141 | 184 | 203 | 265 |
| 2021 | 90 | 198 | 289 | 150 | 332 |
| 2022 | 102 | 178 | 251 | 180 | 326 |
| 2023 | 79 | 123 | 189 | 143 | 304 |
| 2024 (Jan- Apr) | 404 | 640 | 913 | 676 | 122 |

Data yang direkodkan adalah berdasarkan *Service Request* yang dijana melalui aduan yang diterima daripada orang awam, aktiviti pengesanan oleh pasukan NRW dan pemerhatian visual oleh pembaca meter.

- (a) PBAPP telah mengalami kerugian hampir setiap tahun disebabkan kes kecurian bekalan air dan jumlah kos kerugian bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM917,610.00. Berikut

adalah rekod jumlah kos kerugian yang dialami oleh PBAPP dari tahun 2020 sehingga 2023 seperti berikut:

| Tahun | Kos (RM) |
|--------------|-----------------|
| 2020 | 1,013,970.00 |
| 2021 | 1,159,605.00 |
| 2022 | 1,135,515.00 |
| 2023 | 917,610.00 |

- (b) Antara langkah-langkah Kerajaan dalam menangani isu ini adalah dengan membuat pemantauan bersama PBAPP melibatkan kecurian seperti pelencongan atau pengabstrakan air melibatkan sumber atau badan air di kawasan tadahan yang telah diwartakan di bawah Perintah Pembekalan Air (Kawasan tadahan) (Pindaan) 2009 dan penguatkuasaan secara bersepadu bersama dengan Jabatan atau Agensi teknikal yang berkaitan untuk mengelakan kecurian air berlaku. Bagi kecurian melibatkan secara langsung dari paip pembekalan, PBAPP akan melaksanakan pemotongan bekalan untuk kes-kes kecurian air yang melibatkan premis domestik dan mengeluarkan bil untuk anggaran jumlah air yang dicuri sekiranya pemilik premis ini dapat dikesan. Sementara kecurian air yang melibatkan premis bukan domestik khususnya premis perniagaan, kes ini akan dilaporkan kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk tindakan undang-undang yang selanjutnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

15. Apakah pendirian Kerajaan Negeri tentang LGBTQ?
- (a) Senaraikan *hot spot* LGBTQ di Pulau Pinang.
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam menangani isu LGBTQ di Pulau Pinang?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri tidak mendiskriminasi pilihan peribadi golongan tersebut. Hak setiap individu yang tergolong dalam jantina yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan tanpa mengira sama ada dari golongan majoriti atau minoriti sentiasa dipertahankan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak mempromosikan dan menganjurkan sebarang acara yang meraikan golongan LGBTQ.

Untuk makluman, Dasar Keterangkuman Gender di bawah Kerajaan Negeri hanya tertumpu kepada lelaki dan wanita sahaja.

- (a) Tiada rekod secara spesifik mengenai kawasan *hot spot* LGBTQ di Pulau Pinang.
- (b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang usaha dan program khusus untuk menangani isu LGBTQ di Pulau Pinang.

Namun begitu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mengabaikan kebajikan mana-mana golongan walaupun berlainan latar belakang dari segi faktor ekonomi, sosial, agama dan bangsa. Justeru, Kerajaan Negeri menjaminkan bahawa setiap penduduk di negeri ini

tidak akan dipinggirkan dari arus pembangunan dan bebas menjalani kehidupan masing-masing selagi ianya tidak bertentangan dengan undang-undang dan budaya murni negara ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

16. Apakah status kutipan wakaf hari Jumaat yang perlu diberi oleh masjid kepada MAINPP dan berapakah kutipan terkini?
- (a) Senaraikan masjid-masjid yang menyerahkan dan tidak menyerahkan kutipan tersebut.
 - (b) Senaraikan projek-projek yang telah dilakukan atau tanah-tanah yang telah dibeli dari kutipan wakaf ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Jumlah Tabung Wakaf Sumbangan Masjid yang diberi oleh Masjid-masjid kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) sehingga April 2024 adalah berjumlah RM1,607,094.18.
- (a) Sebanyak 51% (110) buah masjid yang menyumbang dan sebanyak 49% (104) buah masjid yang tidak menyumbang.
 - (b) Peruntukan yang telah diluluskan dengan menggunakan Tabung Wakaf Sumbangan Masjid berjumlah RM1,162,046.00. Senarai projek-projek yang telah dilaksanakan di atas semua tanah-tanah yang telah dibeli dari kutipan wakaf adalah seperti berikut:
 - (i) Sebahagian Lot 2020, Mukim 8, Seberang Perai Utara (Tapak Perkuburan Masjid Al-Ehsan, Pongsu Seribu);

- (ii) Lot 210, Mukim 5, Seberang Perai Tengah (Faedah Surau Al-Ihsaniah, Kg. Petani);
- (iii) Sebahagian Lot 6166, Mukim 12, Seberang Perai Utara (Tapak Tambahan Perkuburan Masjid Jamek Kampung Baharu);
- (iv) Lot 15588, Mukim 1, Seberang Perai Utara (Tanah tambahan Masjid Pulau Mertajam);
- (v) Lot 10250, Mukim 9, Daerah Barat Daya (Tanah tambahan Masjid Maqbul, Teluk Kumbar); dan
- (vi) Lot 20088, Mukim A, Daerah Barat Daya (Tapak Parkir Masjid Al-Ehsan, Sungai Pinang, Balik Pulau).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

17. Berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh setiap sektor yang terkesan disebabkan oleh krisis air di Pulau Pinang pada 10 Januari sehingga 14 Januari 2024?
- (a) Apakah insentif Kerajaan Negeri kepada mereka yang terkesan disebabkan masalah ini dan berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk insentif ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang rekod tuntutan atau data berkaitan kerugian yang dialami oleh setiap sektor yang disebabkan oleh krisis air di Pulau Pinang pada 10 hingga 14 Januari 2024. Walau bagaimanapun, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menanggung kerugian sebanyak RM11.0 juta disebabkan oleh insiden tersebut.

Kerajaan Negeri juga tidak menyediakan sebarang insentif kepada pengguna dan industri yang terkesan disebabkan oleh insiden tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui PBAPP dari masa ke semasa sentiasa memastikan kebajikan pengguna terpelihara dengan menyediakan pelbagai insentif seperti berikut:-

- (a) Rebat Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT);
- (b) Rebat Mesra Keluarga (RMK) bagi keluarga yang besar (8 orang ke atas);
- (c) Kampung Loan (bayaran pendahuluan untuk sambungan meter dan paip air);

- (d) Rebat Kebocoran Air;
- (e) Bayaran Ansuran; dan
- (f) Subsidi untuk pengguna domestik (2023: RM116.0 juta).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

18. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mempromosikan *Penang Halal Tourism* (PHT)?
- (a) Berapakah pendapatan yang dijana melalui PHT?
 - (b) Senaraikan hotel-hotel yang mendapat taraf pensijilan halal di Pulau Pinang.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. *Penang Halal International* (PHI) pernah bekerjasama dengan *Penang Global Tourism* (PGT) dalam penghasilan Buku Panduan Pelancong bertajuk *Experience Penang: Muslim Travel Guide* (EP-MTG). Selain itu, penerbitan EP-MTG juga dihasilkan melalui aplikasi digital dengan kerjasama pihak Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) pada tahun 2017.

PHI memfokuskan kepada promosi industri Halal di mana setiap program atau aktiviti yang dianjurkan oleh PHI turut memfokuskan kepada operator/ pengendali produk pelancongan yang terdiri daripada pengusaha hotel dan premis tempatan. Bermula tahun 2022, PHI bergiat aktif dalam mempromosikan tempat makanan halal, pengilang yang memproses makan halal dan yang berkaitan melalui konten digital *Halal Penang Channel* di media sosial seperti Tiktok, Instagram dan *Facebook*. Secara tidak langsung, Kerajaan Negeri bergerak aktif dalam menggalakkan sektor *Halal Tourism* atau juga dikenali sebagai Pelancongan Mesra Muslim.

PHI turut menganjurkan acara Ekspo Halal yang diadakan pada setiap tahun, dan secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pelancong di kalangan ahli perniagaan dan pemain industri halal.

- (a) PHI merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk mempromosikan industri halal dan tidak berasaskan keuntungan.
- (b) Senarai 34 hotel di Pulau Pinang yang telah mendapat taraf pensijilan halal Malaysia yang dikemaskini sehingga 9 Mei 2024 adalah seperti di **Lampiran A**. Senarai ini akan sentiasa dikemaskini berdasarkan permohonan baharu dan pembaharuan. Status halal produk/ premis makanan juga boleh disemak melalui:
 - (i) Portal Halal Malaysia : www.halal.gov.my/v4/;
 - (ii) Aplikasi Verify Halal;
 - (iii) Aplikasi SmartHalal; dan
 - (iv) Whatsapp BPHJAKIM :
www.wasap.my/60388925000/StatusHalal

LAMPIRAN A

SENARAI HOTEL YANG MENDAPAT PENGIKTIRAFAN HALAL MALAYSIA

| BIL. | NAMA HOTEL |
|-------------|---|
| 1. | G Hotel Gurney |
| 2. | Glomex Resort Sdn Bhd (D'Tropics Restaurant) |
| 3. | The City Hotel Bayview (Bayview Hotel Georgetown Penang) |
| 4. | Komtar Hotel Sdn Bhd (Hotel JEN Penang) |
| 5. | Evergreen Laurel Hotel (Penang) |
| 6. | Premium Minds Sdn Bhd (Vouk Hotel Suites Penang) |
| 7. | G Hotel Kelawei |
| 8. | OZO Georgetown Penang |
| 9. | Hompton by The Beach Penang Hotel |
| 10. | Royal Chulan Penang (formerly known as the Royale Bintang Penang) |
| 11. | Olive Tree Hotel Penang |
| 12. | Eastern & Oriental Hotel Sdn Bhd |
| 13. | ParkRoyal Penang |
| 14. | Hotel Sentral Seaview Penang Sdn Bhd |
| 15. | Lexis Suites Penang |
| 16. | Mercure Penang Beach |
| 17. | Hotel Neo+ Penang |
| 18. | UJ Property Management Sdn Bhd (RAIA Hotel Penang) |
| 19. | The Light Hotel (M) Sdn Bhd |
| 20. | Georgetown City Hotel Sdn Bhd (formerly known as Berjaya Georgetown Hotel (Penang) Sdn Bhd) |
| 21. | Ganthavee Properties Management Sdn Bhd (Pearl View Hotel) |
| 22. | Pinnacle Nexus Sdn Bhd (Doubletree Resort by Hilton Penang) |

LAMPIRAN A

| | |
|-----|--|
| 23. | Bahang Bay Hotel Sdn Bhd |
| 24. | L & O Collections Sdn Bhd (Lone Pine Hotel) |
| 25. | Maritime Waterfront Suites Sdn Bhd (Bertam Resort Penang) |
| 26. | Eco Meridian Sdn Bhd (Amari Spice Penang) |
| 27. | Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd (Hotel Seri Malaysia Penang) |
| 28. | Grand De' Garden Hotel Sdn Bhd |
| 29. | Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd (Hotel Seri Malaysia Kepala Batas) |
| 30. | Jazz Hotel Penang (Koenic International Sdn Bhd) |
| 31. | Golden Nasmir Hotel Sdn Bhd |
| 32. | Lucky 888 Sdn Bhd (Iconic Hotel) |
| 33. | Flamingo Hotel by The Beach (Magnum Leisure Sdn Bhd) |
| 34. | Plenitude International Sdn Bhd (Ascott Gurney Penang) |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

19. Senaraikan kawasan-kawasan yang sering mengalami masalah gangguan elektrik di Pulau Pinang mengikut DUN.
- (a) Apakah punca berlaku masalah gangguan elektrik ini?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah ketiadaan elektrik ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kawasan-kawasan yang sering mengalami insiden gangguan bekalan elektrik di Pulau Pinang mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Insiden-insiden gangguan bekalan elektrik di Pulau Pinang secara umumnya adalah disebabkan oleh peningkatan beban. Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa memantau prestasi sistem bekalan dan melaksanakan projek-projek Memperkukuhkan Sistem Voltan Tinggi (MSVT) dan Memperkukuhkan Sistem Voltan Rendah (MSVR) di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi memastikan insiden-insiden ini tidak berulang. Untuk tahun 2024, TNB telah memperuntukkan sejumlah RM70.0 juta bagi membiayai 230 projek pengukuhan sistem merangkumi pelbagai sistem voltan. Bagi memastikan bekalan dapat disuapbalik dengan cepat jika berlaku gangguan bekalan, TNB juga akan melaksanakan projek automasi sistem kawalan penyeliaan dan perolehan data melibatkan 400 pencawang elektrik yang

telah dikenal pasti dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM21.0 juta.

- (b) Kerajaan Negeri memandang serius akan isu gangguan bekalan elektrik dan kesannya ke atas pengguna di Pulau Pinang. Justeru, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bekerjasama rapat dengan TNB untuk memastikan pelaksanaan projek-projek yang berkaitan dapat berjalan dengan lancar.

JADUAL 1: KAWASAN *HOTSPOT* GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK DI PULAU PINANG

| BIL. | KAWASAN | DUN | PUNCA | TINDAKAN AWAL | MAKLUMAT TAMBAHAN |
|------|------------------------------------|------------------|----------------------|--|--|
| 1 | Taman Permai, Nibong Tebal | Sungai Acheh | Peningkatan beban | Melaksanakan imbangan beban pada 23 Februari 2024. | - |
| 2 | Kampung Pertama, Permatang Pauh | Seberang Jaya | | Melaksanakan imbangan beban pada 22 Mac 2024. | <p>Penaiktarafan sistem voltan rendah sedang dilaksanakan. Dijangka siap pada 17 Mei 2024.</p> <p>Pembinaan pencawang elektrik padat di Masjid Papan. Dijangka siap pada bulan Oktober 2024.</p> |
| 3 | Kampung Banggol, Kepala Batas | Bertam | | Melaksanakan imbangan beban pada 20 Februari 2024. | - |
| 4 | Jalan Magazine, George Town | Padang Kota | | Melaksanakan imbangan beban dan menaiktaraf sesalur kaki lima. Jangka siap pada bulan Ogos 2024. | - |

| | | | | | |
|---|---------------------------------------|---------------|--|--|---|
| 5 | Tingkat Sg Gelugor 9, Gelugor | Bukit Gelugor | | Melaksanakan imbangan beban pada 8 Mei 24. | Penaiktarafan sistem voltan rendah sedang dilaksanakan. Dijangka siap pada bulan September 2024 |
| 6 | Batu Maung, Bayan Lepas | Batu Maung | | Melaksanakan imbangan beban pada 4 April 2024. | TNB mempunyai perancangan untuk membina pencawang baharu. Dijangka siap pada bulan Ogos 2024. |
| 7 | Lintang Bukit Kechil 6, Sungai Nibong | Batu Uban | | Melaksanakan imbangan beban pada 3 Mei 2024. | - |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

20. Nyatakan bilangan pelajar dan lokasi KAFA Menengah di Pulau Pinang.
- (a) Apakah status pengambilan pelajar baru KAFA Menengah untuk tahun ini?
 - (b) Apakah syarat pembukaan KAFA Menengah?
 - (c) Apakah usaha kerajaan dalam mengembangkan lagi kelas KAFA Menengah ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Bilangan pelajar KAFA Menengah Pulau Pinang sehingga 30 April 2024 adalah seramai 577 orang pelajar melibatkan 13 lokasi pelaksanaan KAFA Menengah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) sebagai agensi pelaksana telah menangguhkan pelaksanaan program buat sementara waktu bagi mengkaji keberkesanan program ini kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, program KAFA Menengah Pulau Pinang pada tahun ini tetap diteruskan dengan pelajar sedia ada.

- (b) Syarat-syarat permohonan untuk menubuhkan KAFA Menengah Pulau Pinang berdasarkan kepada Garis Panduan KAFA Menengah Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Pihak pemohon bersedia mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Bertanggungjawab dari semasa ke semasa;
 - (ii) Mempunyai jumlah pelajar sekurang-kurangnya 20 orang kecuali bagi kawasan-kawasan tertentu;
 - (iii) Premis hendaklah mengambil kira aspek keselesaan, kesihatan, kebersihan, keceriaan dan keselamatan;
 - (iv) Penyelia KAFA Menengah apabila berpuas hati dengan permohonan, hendaklah mengadakan satu (1) lawatan di Premis berkenaan untuk tujuan pengesahan;
 - (v) Membuat satu (1) syor berdasarkan dapatannya kepada Ketua Agensi Bertanggungjawab; dan
 - (vi) Ketua agensi bertanggungjawab setelah berpuas hati dengan syor yang dikemukakan oleh Penyelia, hendaklah mengemukakan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa KAFA Menengah Pulau Pinang Peringkat Negeri untuk kelulusan.
- (c) Antara usaha Kerajaan Negeri bagi mengembangkan lagi KAFA Menengah ialah dengan memperuntukkan geran tambahan kepada pihak YIPP bagi pelaksanaan program KAFA Menengah Pulau Pinang sejak tahun 2022. Selain itu, pihak kerajaan melalui agensi di bawah Majlis Agama Islam Pulau Pinang iaitu Zakat Pulau Pinang juga turut memperuntukkan dana kepada pihak YIPP bagi tujuan pelaksanaan KAFA Menengah Pulau Pinang.

SENARAI LOKASI KAFA MENENGAH NEGERI PULAU PINANG

1. Masjid At-Taqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas
2. Masjid Jamek Al-Hidayah, Lahar Tiang, Kepala Batas
3. Masjid Dato' Sheikh Adnan, Penaga
4. Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Taman Guar Perahu
5. Surau Haji Mahmud Taib, Kubang Semang, Penanti
6. Masjid Al-Hidayah, Jalan Baru, Prai
7. Masjid As-Solihin, Kepala Gajah, Simpang Ampat
8. Masjid Jamek Al-Amin, Simpang Tiga, Nibong Tebal
9. Masjid Al-Huda, Sungai Ara
10. Masjid Umar Abdul Aziz, Batu Maung
11. Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia
12. Masjid Al-Bukhary, Sungai Pinang, Jelutong
13. Masjid Tuan Guru, Tanjung Tokong

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

21. Senaraikan pihak-pihak yang menerima subsidi benih dan jumlah yang mereka perolehi.
- (a) Pihak mana yang bertanggungjawab menyerahkan subsidi benih kepada pesawah?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Penerima subsidi benih padi atau disebut sebagai insentif Benih Padi Sah (BPS) adalah pengeluar benih dengan kadar RM1.03/kg. Senarai pihak pengeluar benih padi bagi seluruh Semenanjung Malaysia yang menerima subsidi BPS berserta jumlah kuota yang diterima berdasarkan keputusan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sehingga Jun 2024 adalah seperti berikut:

| Bil. | Pengeluar Benih Padi | Kuota (Tan Metrik) |
|-------------|-----------------------------|-------------------------------|
| 1. | OBL Maju Sdn. Bhd. | 8,000 |
| 2. | Seri Merbok | 9,000 |
| 3. | Pertama Padi Sdn. Bhd. | 14,000 |
| 4. | SPPM (MADA) | 7,000 |
| 5. | Jelapang Selatan Sdn. Bhd. | 1,500 |
| 6. | Hj. Md Noor Sdn. Bhd. | 3,700 |

| | | |
|-----|--|---------------|
| 7. | PPK Lahar Bubu (LPP) | 5,000 |
| 8. | FELCRA | 1,800 |
| 9. | Padi Pukal Parit 7 Sekinchan Sdn. Bhd. | 4,300 |
| 10. | PPK Puteri Saadong (KADA) | 1,700 |
| 11. | Kilang Beras Bagan Serai | 8,000 |
| 12. | Dataran Pusaka | 8,000 |
| | Jumlah | 72,000 |

- (b) Pengeluar benih padi seperti senarai di atas akan menerima subsidi benih padi bergantung kepada jualan benih padi yang telah diedarkan kepada pesawah. Setiap beg BPS akan dijual kepada pesawah dengan harga kawalan terkini iaitu RM54.00 di pintu kilang dan RM58.00 di peringkat peruncit. Pengeluar benih padi boleh menuntut subsidi benih tersebut daripada kerajaan dengan nilai yang diedarkan serta tidak melebihi kuota yang diluluskan. Manakala pesawah akan membeli BPS bagi kegunaan tanaman sawah masing-masing melalui peruncit berdaftar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

22. Senaraikan pusat pendaratan ikan dan pusat penjualan ikan di DUN Penaga.
- (a) Apakah status menaik taraf pusat pendaratan ikan di Sungai Tembus?
 - (b) Apakah usaha kerajaan menambah pusat pendaratan ikan dan di mana?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Terdapat empat (4) buah jeti pendaratan ikan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Penaga seperti berikut:
- (i) Kuala Muda;
 - (ii) Air Sungai Tembus;
 - (iii) Penaga; dan
 - (iv) Kuala Bekah.

Manakala terdapat tiga (3) buah pusat penjualan ikan (Pasar Nelayan) di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Pulau Pinang seperti berikut:

- (i) Pasar Bisik Kuala Muda;
 - (ii) Penaga; dan
 - (iii) Sungai Tembus.
-
- (a) LKIM telah menyediakan peruntukan berjumlah RM200,000.00 untuk kerja-kerja menaik taraf jeti Sungai Tembus dari jeti kayu ke jeti konkrit. Kontraktor telah dilantik dan kerja-kerja di tapak telah dimulakan pada 10 Mei 2024. Kerja naik taraf ini dijangka siap pada 29 Ogos 2024.
 - (b) Jeti pendaratan ikan sedia ada di seluruh negeri Pulau Pinang sudah mencukupi untuk memenuhi keperluan nelayan. Sekiranya ada keperluan atau permohonan daripada pihak nelayan, LKIM sedia membantu untuk memohon pusat pendaratan ikan yang baharu. Walau bagaimanapun, syarat utama iaitu berkaitan status tanah yang dicadangkan untuk menjadi pusat pendaratan ikan ini perlulah tanah tersebut dimiliki oleh pihak LKIM atau Persatuan Nelayan Kawasan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

23. Apakah status naik taraf jalan bawah Bakar Kapor ke Penaga?
- (a) Senaraikan pengambilan tanah yang diambil untuk projek ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) telah mengemukakan permohonan semula projek ini kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) pada bulan Februari 2024. Permohonan ini akan diangkat semula dalam *Rolling Plan* Keenam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP6 RMKe-12) atau RMKe-13.
- (a) Pengambilan balik tanah hanya akan dapat dilaksanakan setelah kerja-kerja ukur sempadan selesai dilaksanakan oleh pihak perunding dan pelan pengambilan tanah dimuktamadkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

24. Senaraikan dewan orang ramai dan pihak yang bertanggungjawab menjaganya di DUN Penaga.
- (a) Apakah status baik pulih Dewan Orang Ramai Pekan Penaga yang terbengkalai selama setahun setelah berlaku kebakaran?
- (b) Apakah usaha kerajaan dalam mengaktifkan Dewan Awam Permatang Bendahari dan Kampung Tepi Laut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Terdapat 13 dewan orang ramai di dalam kawasan DUN Penaga iaitu seperti berikut:

| Bil. | Dewan Orang Ramai | Pihak Bertanggungjawab |
|-------------|--|--|
| 1. | Dewan Komuniti Taman Penaga | Persatuan Penduduk Mesra Taman Penaga |
| 2. | Dewan Komuniti Taman Penaga Permai | KRT Taman Penaga Permai |
| 3. | Dewan Komuniti Taman Seri Penaga | KRT Taman Sri Penaga |
| 4. | Dewan TADIKA Taman Penaga Permai | Persatuan Penduduk Taman Penaga Permai |
| 5. | Dewan Dato' Haji Ismail Che' Chik | MPKK Bakau Tua |
| 6. | Dewan MPKK Bakau Tua | MPKK Bakau Tua |
| 7. | Pusat Penempatan Banjir Rantau Panjang | MPKK Kota Aur |

| Bil. | Dewan Orang Ramai | Pihak Bertanggungjawab |
|-------------|--|-------------------------------|
| 8. | Pusat Penempatan Banjir Kota Aur | MPKK Kota Aur |
| 9. | Pusat Penempatan Banjir Pengkalan Bongor | MPKK Guar Kepah |
| 10. | Dewan Komuniti Guar Kepah | MPKK Guar Kepah |
| 11. | Dewan Komuniti Kg Jambatan Merdeka | MPKK Permatang Tiga Ringgit |
| 12. | Pusat Komuniti Kadun Penaga | MPKK Penaga |
| 13. | Dewan MPKK/Pusat Penempatan Banjir Bumbung Lima Lima | MPKK Bumbung Lima Lima |

(a) Kerja-kkerja baik pulih Dewan Orang Ramai Pekan Penaga yang terbengkalai selama setahun setelah berlaku kebakaran masih belum dimulakan kerana peruntukan sedia ada yang terhad bagi membina semula dewan tersebut. Buat masa ini, keutamaan diberikan pada dewan-dewan yang mempunyai keperluan yang mendesak serta telah lama tidak dibaik pulih.

(b) Antara usaha kerajaan dalam mengaktifkan Dewan Awam Permatang Bendahari dan Kampung Tepi Laut adalah seperti berikut:

(i) **Dewan Awam Permatang Bendahari**

Tindakan perobohan akan dilaksanakan setelah kelulusan peruntukan diperoleh dan mendapat laporan pengesahan daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) memandangkan keadaan dewan tersebut rosak teruk dan tidak selamat digunakan.

(ii) **Dewan Kampung Tepi Laut (Dewan Orang Ramai Sri Pantai)**

Sehingga kini, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara belum mengambil alih dewan tersebut kerana tiada rekod pembinaan dan pengurusan dewan

ditemui serta tiada pihak yang menawarkan diri untuk menguruskan dewan tersebut kerana keadaannya yang rosak teruk. Namun, jika terdapat permohonan daripada pihak MPKK bagi menguruskan dewan tersebut, tindakan siasatan kerosakan dan pembaikan serta naik taraf akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara sekiranya kelulusan peruntukan diperoleh setelah mendapat laporan pengesahan daripada pihak JKR.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

25. Senaraikan padang awam dan fasiliti sukan serta pihak yang bertanggungjawab menjaganya yang terdapat di DUN Penaga.
- (a) Senaraikan padang awam dan fasiliti sukan yang terbiar dan apakah usaha kerajaan yang mengaktifkan kembali?
 - (b) Apakah status naik taraf Padang Awam Pasir Gebu?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Padang awam dan fasiliti sukan yang terdapat di DUN Penaga serta pihak yang bertanggungjawab menjaganya adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
- (a) Terdapat 2 kawasan padang awam dan fasiliti sukan yang didapati kurang dibuat penyelenggaraan iaitu kawasan lapang, Lorong Muda 2, Taman Kuala Muda dimana terdapat alat permainan rosak dan rumput yang tidak terurus. Bagi tindakan segera, kerja-kerja pembuangan alat permainan yang telah rosak dijadualkan akan dilakukan pada 10 Mei 2024. Manakala bagi kerja-kerja pemotongan rumput dilaksanakan dua minggu sekali. Seterusnya adalah Gelanggang Futsal Kampung Guar Tuan Syed, KADUN Penaga yang telah rosak dan tidak lagi diuruskan oleh mana-mana pihak. Jika terdapat permohonan daripada pihak MPKK untuk menguruskan gelanggang futsal tersebut, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) ini akan menjalankan siasatan terhadap kerosakan dan akan melaksanakan pembaikan serta menaik taraf sekiranya kelulusan peruntukan diperolehi serta mendapat laporan pengesahan daripada pihak JKR.

Bagi tujuan menaik taraf gelanggang sukan awam, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sejumlah RM1.5 juta setiap tahun dalam Bajet Pembangunan Negeri. Peruntukan bagi pembaikan gelanggang sukan awam boleh dimohon melalui Pejabat Daerah dan Tanah atau pemilik gelanggang sukan tersebut.

- (b) Sehingga kini, pentadbiran ini tidak menerima permohonan daripada penduduk setempat atau pihak berkaitan bagi menaik taraf Padang Awam Pasir Gebu. Sekiranya terdapat permohonan, pentadbiran ini akan mengangkat permohonan kelulusan peruntukan pembangunan yang mencukupi untuk tujuan naik taraf tersebut.

LAMPIRAN A

Senarai kawasan lapang dan padang awam di DUN Penaga di bawah selenggaraan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

| Bil. | Kawasan Lapang/Padang Awam |
|-------------|--|
| 1. | Lorong Muda 2, Taman Kuala Muda |
| 2. | Lorong Penaga 13, Lebuhr Penaga |
| 3. | Lorong Penaga 6, Taman Penaga (JKP) |
| 4. | Lorong Kuala Bekah 5/1, Taman Kuala Bekah |
| 5. | Lorong Penaga Permai 12, Taman Penaga Permai |
| 6. | Lorong Penaga Permai 5, Taman Penaga Permai |
| 7. | Lorong Penaga Permai 24, Taman Penaga Permai |
| 8. | Lorong Penaga 24, Taman Penaga |

Senarai padang awam di DUN Penaga yang dikawal selia dan dipantau oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) adalah seperti berikut:

| Bil. | Padang | Pihak Bertanggungjawab |
|-------------|-------------------------|--|
| 1 | Padang Awam Penaga | Diuruskan Oleh MPKK Penaga |
| 2 | Padang Awam Pasir Gebu | Diuruskan Oleh Sekolah Kebangsaan Pasir Gebu |
| 3 | Padang Awam Lahar Kepar | Diuruskan Oleh Kariah Masjid Lahar Kepar |

Senarai fasiliti sukan di DUN Penaga yang dikawal selia dan dipantau oleh PDTSPU adalah seperti berikut:

| Bil. | Jenis Kemudahan | Pihak Bertanggungjawab |
|-------------|---|--|
| 1 | Gelanggang Badminton Dewan Ismail Che Chik, Kadun Penaga | Diuruskan Oleh MPKK MPKK Bakau Tua |
| 2 | Gelanggang Futsal Kampung Guar Tuan Syed, Kadun Penaga | PDT SPU |
| 3 | Gelanggang Sepak Takraw Dewan Rantau Panjang, Kadun Penaga | Diuruskan Oleh MPKK Rantau Panjang |
| 4 | Gelanggang Sepak Takraw Dewan Banjir Pengkalan Bongor, Kadun Penaga | Diuruskan Oleh MPKK Lahar Kepar |
| 5 | Gelanggang Sepak Takraw Taman Penaga, Kadun Penaga | Diuruskan Oleh Persatuan Penduduk Taman Penaga |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

26. Apakah status kelajuan internet di DUN Penaga?
- (a) Apakah jangka masa kenaikan kelajuan internet di sini?
 - (b) Apakah status pemasangan Unifi di Masjid Permatang Keriang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Sehingga suku pertama 2024, tahap kelajuan Internet di KADUN Penaga telah bertambah baik dan berjaya melepasi sasaran nasional iaitu sekurang-kurangnya 100 megabit per saat (Mbps) sebelum tahun 2025.
- (a) Menerusi projek Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela), sebanyak 120 struktur pemancar baharu, 2,106 naik taraf stesen pemancar (4G/LTE) dan 308,072 ketersediaan sambungan gentian optik (premis) telah berjaya disiapkan di Pulau Pinang setakat suku ketiga tahun 2023. Capaian rangkaian 5G di kawasan berpenduduk (CoPA 5G) di Pulau Pinang juga telah mencatatkan 90.3 peratus (%) liputan manakala rangkaian 4G pula telah mencapai sehingga 99.88% liputan. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil maklum akan keperluan pengguna di kawasan luar bandar seperti di KADUN Penaga terhadap akses Internet yang lebih baik dan stabil. Permohonan

peruntukan akan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan berdasarkan keperluan dan keutamaan semasa.

- (b) Telekom Malaysia (TM) telah mengesahkan bahawa kemudahan Unifi di sekitar Masjid Permatang Keriang telah tersedia. Sehingga kini masih terdapat *port* yang masih kosong dan sedia untuk dilanggan. Bagi kegunaan masjid, TM mengesyorkan supaya pihak pengurusan masjid menghubungi TM di talian 100 atau melayari laman web TM (<https://daftarbroadband.com/>) untuk membuat permohonan pemasangan kemudahan ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

27. Senaraikan kampung-kampung tradisi di Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan langkah Kerajaan membangunkan kampung-kampung ini agar menjadi tarikan pelancongan seperti di Kampung Terus dan Kampung Agong.
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan hendak memastikan kampung-kampung ini tidak dihapuskan untuk projek pembangunan?.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. PLANMalaysia@Pulau Pinang telah menyenaraikan sejumlah lebih 600 buah kampung di bawah Pelan Induk Kampung Warisan Pulau Pinang sebagai kampung warisan. Ianya merangkumi kampung nelayan, kampung atas air, kampung Melayu, kampung Baru Cina dan kampung Siam.

Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang sedang membuat penelitian bagi setiap kampung untuk tujuan cadangan pendaftaran sebagai Warisan Negeri.

Namun kebanyakan kampung telah hilang karektor sebagai kampung tradisi kerana rumah-rumah tradisional telah diubah menjadi rumah batu moden. Penilaian yang teliti perlu dibuat sebelum pengwartaan sesebuah kampung sebagai kampung warisan.

- (a) Di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030), beberapa dasar secara umumnya telah

digariskan bagi membangunkan kampung-kampung tradisional agar menjadi tarikan pelancongan. Dasar-dasar tersebut adalah seperti di Lampiran A.

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mempergiatkan promosi kampung-kampung ini dengan menganjurkan program yang melibatkan kebudayaan dan warisan bersama dengan komuniti setempat. Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 adalah Sambutan Hari Warisan Seberang Perai di Kampung Agong dan Sambutan Hari Sungai Sedunia di Kampung Terus.

Pada tahun 2022, MBSP telah menghantar penyertaan sebuah penulisan rencana “Welcome to Kota Aur Village North Seberang Perai” yang dipaparkan di laman web *Citynet* dan meraih 1,119,063 *views* telah berjaya melayakkan MBSP menjadi 12 finalis akhir dalam pertandingan yang dianjurkan oleh *CityNet*. Penulisan MBSP ini telah berjaya meraih tempat kedua dalam Pertandingan *Sustainable Development Goals* (SDG) dan telah menerima hadiah di *The 9th Citynet Congress 2022* yang diadakan di Kuala Lumpur pada 20 September 2022. Penyertaan adalah terdiri daripada MBSP sebaris dengan DBKL, Suwon City, Colombo, Matsuyama, Sidoarjo Regency, Seoul Digital Foundation, Lalitpur City, Hanoi City, Quezon City dan Seoul Tourism Organization.

- (b) Bagi memastikan kampung-kampung ini tidak dihapuskan untuk projek pembangunan, terdapat beberapa dasar telah dinyatakan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030). Antara dasar-dasar tersebut adalah seperti di Lampiran B.

LAMPIRAN A

| DASAR RSNPP 2030 | PERNYATAAN DASAR RSNPP 2030 |
|---|---|
| <p>DSP 3.1.2</p> <p>L 3.1.2.7</p> | <p>MEMPERKASAKAN INDUSTRI PELANCONGAN SEBAGAI SALAH SATU PENGGERAK UTAMA EKONOMI NEGERI PULAU PINANG</p> <p>Menggalakkan pembangunan pelancongan desa melalui industri kraftangan industri desa pertanian (dusun durian/ buah buahan dan sawah padi inap desa serta industri produk kesenian yang dapat menggambarkan budaya tempatan termasuk barangan yang dapat mempromosi jenama negeri Pulau Pinang.</p> |
| <p>DSP 3.2.2</p> <p>L 3.2.2.6</p> | <p>MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN BERASASKAN PENGETAHUAN YANG JUGA DAPAT MENGHASILKAN PRODUK KREATIF DAN INOVATIF</p> <p>Membenarkan aktiviti-aktiviti industri desa dan IKS yang diusahakan secara sambilan oleh penduduk kampung yang beroperasi secara terkawal dan tidak mencemarkan serta menggunakan bekalan air dan elektrik yang minima. Tumpuan adalah kepada industri berasaskan makanan tradisional, pembungkusan dan industri asas tani selain itu ia tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar dan keperluan agensi yang berkaitan.</p> |
| <p>DK 6.2.3</p> <p>L 6.2.3.1</p> <p>L 6.2.3.2</p> | <p>MENGGALAKKAN AKTIVITI EKONOMI UNTUK MENYOKONG INDUSTRI PELANCONGAN DESA</p> <p>Memelihara melalui kawalan pertukaran ubah syarat tanah bagi kawasan kampung yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan.</p> <p>Membentuk karektor dan kekuatan petempatan kampung melalui keusahawanan dan Program Pelancongan Desa seperti Inap Desa, warisan budaya, warisan sejarah & tokoh, warisan makanan dan tarikan semulajadi.</p> |

LAMPIRAN B

| DASAR RSNPP 2030 | PERNYATAAN DASAR RSNPP 2030 |
|-----------------------------|---|
| DK 6.2.1 | MERANCANG DAN MEMBANGUNKAN GUNA TANAH KAMPUNG SECARA HOLISTIK |
| L 6.2.1.1 | Mengemaskini inventori kampung-kampung terutamanya di dalam kawasan keutamaan pembangunan ke arah perancangan yang lebih inklusif. |
| L 6.2.1.2 | Mengkategorikan kampung-kampung mengikut kriteria Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030. |
| L 6.2.1.3 | Mengenalpasti pemilikan tanah di kawasan perkampungan dan menentukan sempadan serta kesesuaian jenis pembangunan di peringkat Rancangan Tempatan. |
| L 6.2.1.4 | Membangunkan perkampungan dalam bandar secara bersepadu dan meningkatkan kualiti prasarana. |
| L 6.2.1.5 | Menyelaras pentadbiran kawasan kampung untuk mencapai pembangunan Guna Tanah Bersepadu Dan Lestari. |

| | |
|------------------------|--|
| <p>DK 6.2.2</p> | <p>MEMELIHARA DAN MEMULIHARA KESERASIAN IDENTITI DAN KAREKTOR KAMPUNG DENGAN PERSEKITARAN TERUTAMANYA KAMPUNG BERCIRIKAN WARISAN</p> |
| <p>L 6.2.2.1</p> | <p>Menjalankan kajian-kajian susulan bagi mengenalpasti kriteria dan mengiktiraf Kampung Warisan.</p> |
| <p>L 6.2.2.2</p> | <p>Menggariskan Program-Program Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Kampung-Kampung Warisan.</p> |
| <p>L 6.2.2.3</p> | <p>Menyediakan Garis Panduan Perancangan Guna Tanah yang memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti guna tanah yang dibenarkan dari segi kepadatan, reka bentuk bangunan dan jenis landskap.</p> |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

28. Apakah status terkini Cadangan Pelaksanaan Proses Penandaan dan Pengukuran Sempadan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah terutama yang berada di DUN Penaga?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

28. Berdasarkan maklumat Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang, jabatan tersebut telah berhubung dengan Pejabat Tanah dan Galian Kedah secara rasmi melalui surat bertarikh 11 Januari 2024. Namun begitu, Pejabat Tanah dan Galian Kedah masih belum mengemukakan secara rasmi mengenai Cadangan Pelaksanaan Proses Penandaan dan Pengukuran Sempadan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

29. Senaraikan warisan Melayu yang berada di Pulau Pinang yang telah diwarta dan belum diwarta oleh Kerajaan Negeri.
- (a) Apakah syarat yang perlu dipenuhi untuk diwartakan?
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam mewartakan warisan Melayu ini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Terdapat dua peringkat pewartaan item warisan iaitu pewartaan item warisan peringkat kebangsaan melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan pewartaan warisan peringkat Negeri melalui Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14). Sehingga kini hanya terdapat pewartaan item warisan di bawah Akta 645. Senarai Warisan Melayu yang telah diwartakan dan belum diwartakan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri telah meluluskan Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 dan sedang mengenalpasti Pesuruhjaya Warisan Negeri bagi pengisytiharan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi sebagai Warisan Negeri.

Peraturan-peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang 2016 telah menetapkan kriteria-kriteria bagi perisytiharan tapak warisan dan warisan kebudayaan tidak ketara.

Kriteria bagi perisytiharan tapak warisan adalah seperti berikut:

- (i) Kepentingan sejarah atau hubungan antara warisan kebudayaan ketara atau tapak warisan semula jadi dengan warisan Negeri Pulau Pinang yang menggambarkan aspek penting masyarakat, ekonomi, budaya, sejarah, alam semula jadi, sains, agama, reka bentuk dan ciri-ciri estetik atau personaliti sejarah terkemuka;
- (ii) Reka bentuk warisan kebudayaan ketara yang mempunyai nilai-nilai estetik dalam bentuk seni bina, gaya, fabrik, hiasan atau ketukangan secara intrinsik;
- (iii) Pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal yang mempamerkan contoh penting mengenai jenis dan teknik bangunan tertentu di Negeri Pulau Pinang;
- (iv) Kepentingan ikatan sosial atau budaya masyarakat, komuniti, bangsa atau etnik;
- (v) Potensi untuk mendidik, menggambarkan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berkaitan dengan warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi di Negeri Pulau Pinang;
- (vi) Kepentingan dalam mempamerkan suatu kekayaan, kepelbagaian atau integrasi luar biasa bagi ciri-ciri;
- (vii) Keistimewaan atau keunikan warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi;
- (viii) Nilai kumpulan suatu kelompok bangunan yang kepentingannya memenuhi mana-mana kriteria di atas;
- (ix) Perwakilan sifat suatu warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi sebagai sebahagian daripada suatu kelas atau jenis warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi; atau
- (x) Apa-apa perkara lain yang relevan dalam menentukan kepentingan suatu warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi.

Manakala kriteria bagi perisytiharan tapak warisan kebudayaan tidak ketara adalah seperti berikut:

- (i) Diwarisi dari generasi ke generasi;
 - (ii) Dicipta semula oleh komuniti dan kumpulan secara berterusan sebagai respons kepada persekitaran mereka, interaksi dengan alam semula jadi dan sejarah dan memberikan mereka suatu perasaan identiti dan kesinambungan;
 - (iii) Menggalakan rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya dan kreativiti manusia;
 - (iv) Unik kepada Negeri Pulau Pinang;
 - (v) Diamalkan atau dihormati selama beberapa generasi, walaupun telah pupus atau hampir pupus;
 - (vi) Kewujudan artifak yang berkaitan dengan amalan seperti pakaian, instrumen dan alat;
 - (vii) Pemuliharaan dan perlindungannya akan memastikan aset budaya-sejarah kekal untuk selama-lamanya; atau
 - (viii) Ia adalah suatu item penghargaan.
- (b) Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk mewartakan warisan Melayu ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Warisan Negeri dan Jawatankuasa Pakar dalam bidang Alam Bina, Sosio Budaya, Seni Tampak, Arkeologi, Sejarah Tempatan dan Seni Persembahan untuk menilai kepentingan sesuatu item yang dipohon sebagai Warisan Negeri.

LAMPIRAN A**SENARAI WARISAN MELAYU DI PULAU PINANG YANG TELAH
DIWARTAKAN DAN BELUM DIWARTAKAN**

| BIL | ITEM WARISAN | KATEGORI | WARTA / BELUM WARTA |
|------------|---|------------------|---|
| 1. | Masjid Melayu Lebu Acheh | Tapak (Bangunan) | WARTA di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 |
| 2. | Masjid Kapitan Keling | Tapak (Bangunan) | WARTA di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 |
| 3. | Makam Sheikh Omar | Tapak (Bangunan) | WARTA di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 |
| 4. | Bangunan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang | Tapak(Bangunan) | BELUM WARTA |
| 5. | Masjid Jamek Alim Shah Welley | Tapak(Bangunan) | BELUM WARTA |
| 6. | Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah | Tapak(Bangunan) | BELUM WARTA |
| 7. | Rumah Teh Bunga | Tapak(Bangunan) | BELUM WARTA |
| 8. | Surau Haji Mahmud Taib (Surau Kubang Semang) | Tapak(Bangunan) | BELUM WARTA |
| 9. | Masjid Negeri Pulau Pinang | Tapak(Bangunan) | BELUM WARTA |
| 10. | Masjid Jamek Haji Abdul Rashid | Tapak(Bangunan) | BELUM WARTA |
| 11. | Rumah Tuan Guru Haji Sheikh Othman Bin Jalaludin | Tapak(Bangunan) | BELUM WARTA |
| 12. | Rumah Tuan Haji Hashim Bin Itam (Tuan Haji Hashim Kerani) | Tapak(Bangunan) | BELUM WARTA |

| BIL | ITEM WARISAN | KATEGORI | WARTA / BELUM WARTA |
|------------|---|--|---|
| 13. | Kediaman Abdullah Fahim (Rumah Merdeka) | Tapak(Bangunan) | BELUM WARTA |
| 14. | Boria | Seni Persembahan Kebudayaan | BELUM WARTA |
| 15. | Ghazal Parti | Seni Persembahan Kebudayaan | BELUM WARTA |
| 16. | Omar Bin Md. Hashim | Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) | WARTA di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 |
| 17. | Tanjung Bungah Village - Abdullah Arif | Lukisan (Penang Pioneer Artist) | BELUM WARTA |
| 18. | Limestone - Abdullah Arif | Lukisan (Penang Pioneer Artist) | BELUM WARTA |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(X)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

30. Senaraikan kemudahan yang disediakan di setiap Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan bilangan warga emas yang berdaftar di setiap PAWE.
 - (b) Senaraikan aktiviti yang dijalankan di setiap PAWE pada tahun 2023 sehingga kini.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) adalah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan (developmental) kepada warga emas. Perkhidmatan ini melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Terdapat enam (6) buah PAWE di Pulau Pinang. Oleh itu, dalam usaha untuk memastikan keselesaan kepada warga emas, terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan di PAWE antaranya ialah bilik pentadbiran, ruang aktiviti, kemudahan alat senaman dan rekreasi.

Bagi tahun 2024, 3 buah PAWE baharu dalam proses penubuhan iaitu PAWE Kepala Batas, PAWE Jelutong dan PAWE Bukit Bendera.

Pusat ini juga diuruskan oleh seorang penyelia dan pembantu penyelia untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan aktiviti rutin berjalan mengikut jadual aktiviti. Selain itu, Jawatankuasa juga akan menganjurkan pelbagai aktiviti yang bukan rutin seperti pendidikan keselamatan digital dan sosial warga emas dengan agensi-agensi luar.

Peruntukan geran RM50,000.00 setahun diluluskan untuk kos pengoperasian, bayaran elaun penyelia dan pembantu penyelia serta aktiviti warga emas di PAWE.

- (a) Bilangan warga emas berdaftar di PAWE adalah sebanyak 795 orang warga emas seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Senarai aktiviti seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A**JUMLAH AHLI BERDAFTAR PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS NEGERI PULAU PINANG**

| LOKASI PAWE | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---------------------------|
| PAWE BALIK PULAU 253 MK D JALAN BHARU, 11000BALIK PULAU, PULAU PINANG | 140 |
| PAWE SUNGAI DUA KLINIK KESIHATAN SUNGAI DUA13800 BUTTERWORTH | 205 |
| PAWE BUKIT MERTAJAM DEWAN MPKK TAMAN SRI RAMBAIFASA 1, TAMAN MUTIARA LOT 4284 MUKIM 11 14000 BUKIT MERTAJAM | 140 |
| PAWE PERMATANG PAUH 1074 MK8 TANAH LIAT, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG | 111 |
| PAWE BAYAN BARU NO 3, PERSIARAN MAYANG PASIR 3, BUKIT GEDONG , 11950 BAYANBARU, PULAU PINANG | 113 |
| PAWE BATU KAWAN DEWAN MURAI JAYA, LOT 3803,MK14 , JALAN MURAI JAYA 1, TAMAN MURAI JAYA, 14100, SIMPANG AMPAT | 86 |
| JUMLAH | 795 |

LAMPIRAN B

Senarai aktiviti yang dijalankan di setiap PAWE seperti di **Lampiran 2 ID 625** dan juga seperti senarai dalam jadual di bawah.

Senarai aktiviti Setiap PAWE :

| NAMA PAWE | SENARAI AKTIVITI |
|--|--|
| PAWE BALIK PULAU 253 MK D JALAN BHARU, 11000 BALIKPULAU, PULAU PINANG | <ol style="list-style-type: none">1. Kelas Tajwid2. Kelas Iqra3. Kelas Bahasa Arab4. Tadarus Al-Quran5. Senamas6. Kacau Bubur Lambuk & Agihan (Program Jiwa)7. Pertandingan Marhaban Peringkat Kariah Balik Pulau8. Majlis Tadarus & Khatam Al-Quran Peringkat Wanita & NGO's Balik Pulau9. Shopping barang untuk persiapan raya10. Lawatan dari PAWE Machang Kelantan11. Program Korban12. Sembang Santai13. Kalam Jaddi14. Seminar Citra Minda "Bonding Fit Fun Intergenerasi Digital15. Ceramah Kesedaran Kebakaran16. Lawatan dari PAWE Cameron Highland17. Karnival Hari Warga Emas – USM K.Batas18. Sambutan Hari Warga Emas19. Peraduan Mewarna |
| PAWE SUNGAI DUA KLINIK KESIHATAN SUNGAI DUA 13800BUTTERWORTH | <ol style="list-style-type: none">1. Kelas Iqra/tajwid2. Kursus Kesempurnaan Solat3. Senamas4. Gotong Royong5. Projek Tanaman Kebun Bandar6. Majlis Tahlil7. Majlis Bacaan Yassin & Tahlil8. Tadarus Al Quran9. Bowling santai PAWE Sg. Dua10. Ceramah Pemakaian Sihat Warga Emas11. Program PEKA B4012. Taklimat Penglibatan NGO (PAWE) dalam Memperkukuh kan Aktiviti <i>Wellness Hub</i>13. Program Ziarah Kasih PAWE14. Bubur lambuk15. Prog. Perkongsian Pintar Inter PAWE16. Prog. Kesihatan Pergigian Warga Emas17. Kalam Jaddi18. Seminar Citra Minda "Bonding Fit Fun Intergenerasi Digital |

| | |
|---|--|
| | <ol style="list-style-type: none"> 19. Jom Kacau Bubur Asyura 20. Sambutan Hari Kemerdekaan 21. Aerodance 22. Sambutan Hari Malaysia 23. Karnival Kesihatan Peringkat PKDSPU 24. Proses membuat Baja Organik 25. Proses Menapis Baja Organik dan membuat racunOrganik untuk jualan carnival 26. Sambutan Hari Warga Emas Peringkat KebangsaanTahun 2023 27. Festival Warisan Kebangsaan Orang Hidup 28. Program Santai Bot Sungai ke Hutan Pelajaran AirHitam 29. Program Kecergasan Wanita Warga Emas 30. Program Santai Bot Sungai 31. Senamas & Peserta Sambutan Hari Diabetes 32. Kaji Selidik Bersama KRPPM |
| <p>PAWE BUKIT MERTAJAM DEWAN MPKK TAMAN SRI RAMBAI FASA 1, TAMAN MUTIARA LOT 4284 MUKIM 11 14000 BUKIT MERTAJAM</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Line Dance 2. Program Pemeriksaan Kesihatan 3. Sambutan Hari Merdeka 4. Projek Pertanian Kebun Hidroponik 5. Seminar Citra Minda "Bonding Fit Fun IntergenerasiDigital 6. Persembahan Line Dance Majlis Jamuan Teh TYT 7. Sambutan Hari Warga Emas Peringkat KebangsaanTahun 2023 8. Rundingan meja bulat PAWE Pulau Pinang |
| <p>PAWE PERMATANG PAUH 1074 MK8 TANAH LIAT, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Kelas Tajwid Al Quran 2. Kelas Senaman Chair Fitness 3. Prog. Lawatan Muhibbah Ke Kuala Lumpur dan PAWEPutrajaya 4. Aktiviti Tadarus Ramadhan 5. Program Bubur lambuk dan Majlis Khatam Al Quran 6. Program Jalinan Mesra Aidilfitri 2023 7. Program Gotong Royong 8. Majlis Perasmian PAWEPP & Mesyuarat AgungTahunan (Kali Ke2) 9. Program Gemilang Merdeka 10. Program Kacau Bubur Asyura 11. Program Kesihatan Bersama Klinik Pergigian DaerahSPT 12. Program Sambutan Hari Warga Emas 2023 & MajlisHari Jadi Ahli-Ahli PPAWEPP 13. Kelas Masakan 14. Program Kesihatan Madani Peka B40 (Siri 2) |

| | |
|--|--|
| | <p>15. Seminar Citra Minda "Bonding Fit Fun Intergenerasi Digital"</p> |
| <p>PAWE BAYAN BARU NO 3, PERSIARAN MAYANG PASIR 3, BUKIT GEDONG , 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Kelas Mengaji 2. Latihan Memanah 3. Kelas Aerobik 4. Kelas Masakan 5. Kursus Pengurusan Jenazah 6. Kelas Mengaji & Selawat 7. Isra & Mikraj 8. Lawatan dari PAWE Rembau 9. Gotong Royong 10. Sambutan Hari Wanita 11. Hari Keluarga 12. Seminar Citra Minda "Bonding Fit Fun Intergenerasi Digital" 13. Memasak dan Mengedar Bubur Lambuk 14. Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri 15. Berkebun 16. Jualan Produk PAWE 17. Sambutan Merdeka 18. Sambutan Hari Malaysia 19. Sambutan Maulidur Rasul 20. Madani Afiat 21. Prog. Intergenerasi |
| <p>PAWE BATU KAWAN DEWAN MURAI JAYA, LOT 3803, MK14 , JALAN MURAI JAYA 1, TAMAN MURAI JAYA, 14100, SIMPANG AMPAT</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Gotong Royong 2. Program Memasak dan agihan Bubur Lambuk 3. Prog. Majlis Tahlil & Doa Selamat 4. Majlis Peramian PAWE Batu Kawan 5. Senaman Atas Kerusi 6. YOGA 7. Senaman Program Semarakkan Merdeka 8. Kelas Tazkirah Jumaat 9. Program memasak Kari Kepala Ikan 10. Senaman Bersama Jabatan Belia 11. Program pertandingan memasak 12. Ceramah Keselamatan Kebakaran bersama wargaemas dan komuniti |